

BAB DUA

BAB 2

AL-SAKHĀ' MENURUT PANDANGAN ISLAM

2.1 PENGENALAN

Bab kedua mengutarakan definisi perkataan *al-sakhā'*, seruan al-Quran dan Hadis ke arah *al-sakhā'*, keutamaan *al-sakhā'* serta had dan batas *al-sakhā'*.

2.2 DEFINISI PERKATAAN *AL-SAKHĀ'*

Perkataan *al-sakhā'* bermaksud pemurah. Ia berasal dari katakerja *sakhā* - *yaskhū* – *sakhā'a*.¹ Ia juga boleh diertikan dengan kemurahan hati² atau kedermawanan.³ Perkataan *al-sakhā'* juga boleh dimaksudkan sebagai pemurah iaitu memberikan harta sebagai tambahan dari yang wajib dan ini adalah merupakan sifat yang baik dan perangai yang terpuji.⁴ Menurut al-Asfahānī sifat ini mendorong manusia kepada memberi⁵. Orang yang pemurah dikagumi, disenangi dan menimbulkan simpati serta pengaruh dari masyarakat.

¹ Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn Muhammād ibn Makrām ibn Manzūr al-Afrīqī al-Miṣrī (1992), *Lisān al-‘Arab*, j. 14. Beirut: Dār Sadīr, hlm. 373; *Al-Munjīd fi al-Lughah wa al-‘A'lām* (1994), cet. 34. Beirut: Dār al-Muṣyriq, hlm. 326.

² Muhammād Idrīs 'Abd al-Ra'ūf al-Marbawī (t.t.), *Qāmūs Idrīs al-Marbawī*, j. 1, cet. 4. Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Aulādūh, hlm. 283; Ḥusnī al-Ḥabsyī (1989), *Kamus al-Kautsar Terjemahan Lengkap Arab – Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Victory Agencie, hlm. 166; Elias A.Elias & Edward E.Elias (1992), *Qāmūs Elias al-‘Aṣrī: ‘Arabi – Injelīzī*, cet. 18. Cairo: Elias Modern Publishing House & Co., hlm. 294; Rōḥī al-Bawalbaki (1995), *al-Mawrid: Qāmūs ‘Arabi – Injelīzī*, cet. 7. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, hlm. 626.

³ Al-Marbawī (t.t.), *loc.cit.*; Ibrāhīm Anīs et.al (t.t.), *al-Mu’jam al-Wasīt*, j. 1, cet. 2. T.T.P.: T.P., hlm. 422.

⁴ Barmawie Umary (1986), *Materiā Akhlak*, cet. 6. Jakarta: CV. Ramadhanī, hlm. 50.

⁵ Abū Qāsim al-Ḥusnī ibn Muhammād ibn al-Mufaddal al-Asfahānī (1985), *Kitāb al-Dhāri’ah ilā Makārim al-Syārī ah*. Qāherah: Dār al-Sāḥwah, hlm. 412.

Sufyān ibn 'Uyainah ketika ditanya tentang sifat pemurah menjelaskan bahawa sifat pemurah itu ialah berbuat-baik kepada rakan-rakan dan bersifat pemurah dengan harta. bererti bermurah hati dengan harta. Ḥasan al-Baṣrī r.a. mengatakan bahawa memberikan segala tenaga yang ada itu merupakan penghabisan sifat pemurah. Beliau juga menerangkan bahawa *al-sakhā'* bererti bermurah hati dengan harta dan apa yang ada padanya kerana Allah s.w.t. semata-mata. 'Ali ibn Ḥusain pula menyatakan bahawa bermurah hati ialah menunaikan hak-hak Allah s.w.t. di atas niat dan kemahuan sendiri serta ketaatan kepada Allah s.w.t.⁶

Kesimpulannya *al-sakhā'* boleh didefinisikan sebagai pemurah atau dermawan. Pemurah lebih umum kerana ia melibatkan semua aset manakala dermawan hanya melibatkan harta semata-mata. Dengan adanya sifat *al-sakhā'* ini orang lain akan memperolehi manfaat dan faedah dari pemberian tersebut dan individu itu sendiri memperolehi ganjaran pahala dari Allah s.w.t.

2.3 SERUAN AL-QURAN DAN HADIS KE ARAH *AL-SAKHĀ'*

Islam telah menggunakan berbagai-bagai cara dan metode yang menarik untuk menggalakkan umatnya berkorban dan mengamalkan *al-sakhā'* dalam kehidupan harian mereka serta mengancam orang yang enggan melaksanakan

⁶ Sa'īd ibn Khalfān al-Khalīlī (1984), *Kitāb al-Akhbār wa al-'Āثار*, j. 2, T.T.P.; T.P., hlm. 77; Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al Ghazālī (1992), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, j. 3. Beirūt: Dār Qutaibah, hlm. 362 & 363; Ali Usman et.al (t.t.), *Hadits Qudsi*, cet. ix. Kuala Lumpur: Pustaka al-Azhar, hlm. 356.

amalan mulia ini. Terdapat banyak ayat suci al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. yang menyeru ke arah menghayati sifat *al-sakhā'* ini, di antaranya:

2.3.1 Ayat-ayat al-Quran

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 3 berbunyi:

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَعْبُدُونَ الْحَلَوَةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

Maksudnya:

Iaitu orang-orang yang beriman (percaya) kepada perkara-perkara yang ghaib dan tetap mengerjakan sembahyang serta manafkahkan (membelanjakan di jalan kebaikan) sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada mereka.

Rezeki meliputi segala kurniaan yang dapat dinikmati oleh seseorang. Semua kurniaan datangnya dari Allah s.w.t. sama ada ia merupakan pemberian fizikal atau material seperti makanan, pakaian, rumah,kekayaan, harta dan lain-lain; pemberian yang tidak dapat disentuh seperti kuasa, pengaruh, wawasan, kesihatan, bakat dan seumpamanya; pemberian spiritual seperti mengerti antara yang baik dan buruk, memahami orang lain, kasih sayang dan sebagainya. Manusia perlu menggunakan semua pemberian ini secara sederhana. Ayat ini mengarahkan supaya manusia pembelanjakan sebahagian daripada pemberian Allah s.w.t. kepada mereka agar dapat memberikan kesejahteraan dan ketenangan kepada orang lain.⁷

⁷ Abdullah Yusuf Ali (1991). *the Holy Quran*, cet. 2. New Delhi: Kitab Bhavan, hlm. 17.

Asal perkataan infak ialah mengeluar atau membelanjakan harta.⁸ Infak dan nafkah bermaksud pemberian harta untuk kebaikan dan ia didorong oleh keimanan serta mencapai keredaan Allah s.w.t.⁹ Ulama tafsir berselisih pendapat dalam mentakwilkan ayat *wamimmā razaqnāhum yunfiqūn*. Menurut Ibn 'Abbās, ayat ini bermaksud mengeluarkan zakat harta.¹⁰ Seorang sahabat Rasulullah s.a.w. menyatakan belanja untuk keluarga dan ia sebelum diwajibkan zakat. Qatādah pula berpendapat hendaklah dibelanjakan segala yang diberikan Allah s.w.t. kerana harta kekayaan hanya merupakan kurniaan sementara dan suatu ketika akan terpisah. Ibn Jarir menyatakan bahawa ayat ini bermaksud zakat dan segala perbelanjaan.

Menurut Ibn Kathīr, Allah s.w.t. sering menggandingkan perintah sembahyang dengan zakat atau infak kerana sembahyang merupakan ibadat yang meliputi tauhid, pujian dan doa serta menyerah diri kepada Allah s.w.t. manakala infak merupakan huluran tangan dan budi kepada sesama manusia iaitu amal kebaikan yang menjalar dan bermanfaat kepada makhluk. Justeru itu keutamaannya adalah kepada kaum kerabat, ahli keluarga dan lain-lain. Infak di sini meliputi semua nafkah yang wajib serta zakat yang difardhukan.¹¹ Manakala menurut Muṣṭafā Abdu'l-Lāh, menafkahkan yang disebut dalam ayat ini bererti

⁸ Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn ibn al-'Allāmah Diyyā' al-Dīn 'Umar (1993), *Tafsīr al-Fakh al-Rāzī (Tafsīr al-Kabīr wa Mafātiḥ al-Ghaib)*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 35; Muḥammad Rāshid Rēḍā (t.t.), *Tafsīr al-Qur'ān al-Hakīm (Tafsīr al-Manār)*, j. 1, cet. 2. Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 130.

⁹ H.Fachruddin HS. (1998), *Ensiklopedia al-Quran*, j. 2. Kuala Lumpur: Darul Taqwa, hlm. 205.

¹⁰ Muḥammad 'Alī al-Šābūnī (t.t.), *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, j. 1. T.T.P.: Dār al-Šābūnī, hlm. 130; Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarir al-Ṭabarī (1988), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl 'Ayy al-Qur'ān*, j. 1. Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 104.

¹¹ Al-Šābūnī (t.t.), *loc.cit.*

memberi makan kepada orang-orang miskin.¹² *Jumhūr* menyatakan bahawa infak di sini meliputi nafkah wajib kepada ahli keluarga, anak-anak, kaum kerabat dan sedekah sunat.¹³

Ibn Jarir menerangkan terdapat tiga pendapat ulama tafsir mengenai tujuan ayat ini. Pendapat pertama mengatakan ayat ini ditujukan kepada semua orang Mukmin sama ada dari bangsa Arab atau ahli kitab. Pendapat kedua pula menyatakan ayat ini ditujukan untuk orang Mukmin dari ahli kitab. Manakala pendapat ketiga menyatakan ayat ini ditujukan untuk orang Mukmin dari bangsa Arab.¹⁴

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 254 berbunyi:

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ عَامَنُوا أَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَنَّ يَوْمًا لَا
بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خُلْلٌ وَلَا شَفَعَةٌ وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ



Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada kamu sebelum tiba hari yang tidak ada jual beli pada hari itu, tidak ada persahabatan dan tidak ada pertolongan (iaitu Hari Kiamat). Dan orang-orang kafir, mereka itulah orang-orang yang zalim.

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menganjurkan kepada hamba-Nya agar mempergunakan rezeki kurniaan-Nya untuk jalan kebaikan supaya mendapat ganjaran pahala yang disediakan dan dijanjikan kepada mereka di akhirat kelak.

¹² Muṣṭafā AbduLLāh (1997), terj. Siti Sujinah Sarnap, *Tafsir Surah al-Fatiḥah dan Surah al-Baqarah*. Johor Bahru, Johor: Perniagaan Jahabersa, hlm. 70.

¹³ Muḥammad Rashid Rāfiḍ (t.t.), *loc.cit.*

¹⁴ Al-Šābūnī (t.t.), *loc.cit.*

Perkara itu perlu dilakukan semasa hidup di dunia ini sebelum datangnya hari kiamat iaitu sebelum mati kerana pada hari tersebut tiada lagi jual beli, kawan atau sahabat yang dapat menolong dan memberi syafaat.¹⁵ Ahli tafsir berselisih pendapat mengenai maksud perkataan ‘*anfiqū*’, sama ada ia khusus untuk zakat yang wajib sahaja atau umum untuk semua nafkah sama ada wajib ataupun sunat.¹⁶ Majoriti ahli tafsir berpendapat bahawa ‘*anfiqū*’ dalam ayat ini bermaksud memberi zakat. Bagaimanapun, sebahagian mereka mengatakan bahawa ia bererti zakat yang diwajibkan dan sedekah yang disunatkan.¹⁷

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 261 & 262 berbunyi:

مَثْلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثْلٍ
حَبَّةٌ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سَنَبْلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ
لِمَنِ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِعٌ عَلَيْهِ ﴿٢٦١﴾ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي
سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ لَا يُتْبَعُونَ مَا أَنْفَقُوا مَنْ آذَى لَهُمْ أَجْرُهُمْ
عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٦٢﴾

Maksudnya:

Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah s.w.t. bagai sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan di setiap tangkai mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah s.w.t. melipatgandakan ganjaran-Nya untuk siapa yang disukainya dan Allah s.w.t. Maha Luas pemberian dan Maha Mengetahui. Orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah s.w.t., kemudian pemberiannya itu tidak diiringi dengan kebanggaan dan cercaan, mereka memperoleh pahala di sisi Tuhan dan mereka tidak merasa ketakutan dan tidak akan berdukacita.

¹⁵ *Ibid.*, j. 1, hlm. 227.

¹⁶ Al-Rāzī (1994), *op.cit.*, j. 3, hlm. 223.

¹⁷ Muṣṭafā Abdullāh (1997), terj. Siti Sujinah Sarnap, *op.cit.*, hlm. 350.

Inilah contoh perumpamaan *sakhā'* Allah s.w.t. dalam melipatgandakan pahala bagi hambanya yang membelanjakan harta pada jalan-Nya dan mengharapkan keredaan-Nya. Allah s.w.t. akan melipatgandakan pahala sepuluh kali ganda sehingga mencapai tujuh ratus kali ganda. *Sabitillāh* iaitu amalan dalam mentaati Allah termasuklah perbelanjaan dalam jihad untuk menegakkan agama Allah s.w.t. dengan menyediakan kenderaan, senjata dan sebagainya. Ibn 'Abbas menyatakan bahawa perbelanjaan untuk jihad dan haji pahalanya tujuh ratus kali ganda. Dalam ayat ini terdapat isyarat bahawa amal salih itu disuburkan Allah s.w.t. kepada tuannya sepetimana tumbuhnya tumbuhan di bumi yang subur. Terdapat banyak hadis yang meriwayatkan tentang gandaan kebaikan kepada tujuh ratus kali ganda ini.¹⁸

Ayat seterusnya menjelaskan mengenai orang-orang yang menafkahkan segala harta mereka di jalan Allah s.w.t. dengan tidak mengungkit atau menyakiti maka mereka akan menerima ganjaran pahala, tidak merasa ketakutan dan tidak berdukacita.¹⁹ Ada pendapat menyatakan ayat ini (al-Quran, 2: 262) diturunkan mengenai Sayyidina 'Uthmān ibn 'Affān r.a Beliau telah bersedekah sebanyak seribu ekor unta kenaikan berserta dengan peralatannya dan wang berjumlah seribu dinar semasa Perang Tabuk.²⁰ Pendapat yang lain menyatakan bahawa ayat ini juga mengenai 'Abd al-Rahmān ibn 'Auf kerana beliau telah menafkahkan separuh dari hartanya sebanyak empat ribu dinar.²¹

¹⁸ Al-Šabūnī (t.t.), *op.cit.*, j. 1, hlm. 236 & 237.

¹⁹ Muhammad Said Umar (1971), *Tafsir Nur al-Ihsan*, j. 1, cet. 3. Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif, hlm. 91 & 92; Sayyid Abul A'la Maudūdi (1988), terj. Zafar Ishaq Ansari, *Towards Understanding the Quran*, j. 1. T.T.P.: The Islamic Foundation, hlm. 206.

²⁰ Al-Rāzī (1994), *op.cit.*, j. 4, hlm. 50; Muhammad Said Umar (1971), *op.cit.*, j. 1, hlm. 92.

²¹ Al-Rāzī (1994), *loc.cit.*; Khalid 'Abd al-Rahmān al-'Akk (1991), *Mawsū'ah 'Uzamā' hawl al-Rasūl*, j. 1. Beirut: Dār al-Nafā'is, hlm. 367.

Menurut ulama tafsir, perkataan *manna* bermaksud mengira atau memandang tinggi terhadap apa yang telah diberikan oleh seseorang.²² Hukumnya haram dan berdosa.²³ Ia merupakan suatu keangkuhan bagi individu tersebut dan kehinaan di sisi Allah s.w.t. Zamakhsari menerangkan maksudnya ialah mengira pertolongan seseorang yang telah diberikan kepada seseorang lain dengan mengingatkan orang itu bahawa dia telah melakukan pertolongan itu semata-mata untuknya lalu menuntut bayaran gantirugi darinya di atas pertolongan yang telah diberikan. Seandainya sedekah tidak diberikan dengan hati ikhlas pastinya ia akan mengakibatkan si penerima berkecil hati. Justeru itu orang-orang beriman dilarang memberi sedekah dengan cara yang buruk.²⁴

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 265 berbunyi:

وَمِثْلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ أَبْتَغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَشْيَئًا مِنْ أَنفُسِهِمْ
كَمَثْلٍ جَنَّةٍ بِرَبُوَةٍ أَصَابَهَا وَأَبْلَى فَقَاتَ أُكْلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِنْ لَمْ يُصْبِهَا وَأَبْلَى
فَطَلَّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya:

Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan hartanya kerana mengharapkan keredhaan Allah s.w.t. dan kerana keteguhan jiwanya, bagai sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi, sentiasa ditimpahujan lebat lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda dan kalau ia tidak ditimpahujan lebat maka gerimis pun cukup untuk menyiraminya. Dan (ingatlah), Allah s.w.t. melihat apa yang kamu lakukan.

²² Muhammad Rashid Redā (t.t.), *op.cit.*, j. 3, cet. 2, hlm. 61; Muṣṭafā Abdullāh (1997), terj. Siti Sujinah Sarnap, *op.cit.*, hlm. 361 & 362.

²³ 'Abd Allāh Muhammad ibn Muflīḥ al-Maqdisī (1999), *al-'Adāh al-Syar'iyyah*, j. 1, cet. 3. Beirut: Mu'assasah al-Riśalah, hlm. 336.

²⁴ Muṣṭafā Abdullāh (1997), terj. Siti Sujinah Sarnap, *loc.cit.*

Demikianlah perumpamaan orang Mukmin yang menafkahkan harta mereka kerana mengharapkan keredaan Allah s.w.t. dan mereka percaya dengan pahala yang dijanjikan-Nya.²⁵ Sedekah yang sebenarnya iaitu yang diberikan kerana mengharapkan keredaan Ilahi seperti sebidang kebun dengan tanah yang baik terletak di atas dataran tinggi, dapat menampung curahan hujan, embun dapat meresap ke dalam tanah dan bahagian yang tinggi juga dapat diairi dengan baik. Keadaan tanah yang sihat serta subur ini akan menambahkan penghasilan yang lebih banyak. Walaupun kekurangan hujan yang turun namun embun yang tertampung dapat menimbulkan kebasahan dan memadai untuk menyuburkan tanah.

Begitulah orang yang mengeluarkan sedekah dengan baik, dia berada dalam situasi yang beruntung kerana dapat mengumpulkan kurniaan Allah s.w.t. sehingga pada waktu kegersangan pun dia masih dapat bekerja dengan baik.²⁶ Mengenai ayat *fa'atāt ukulahā qifayn* diterjemahkan sebagai kebun itu menghasilkan buahnya dua kali ganda iaitu memberi hasil sebanyak dua kali. Terdapat sebahagian ulama menyatakan ia bermaksud menghasilkan buah dua kali setahun.²⁷

Firman Allah s.w.t. dalam surah Āli-'Imrān ayat 180 berbunyi:

وَلَا يَحْسِنُ الَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَا أَتَيْنَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيْطَوْقُونَ مَا بَخَلُواْ بِهِ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

²⁵ Al-Šabūnī (t.t.), *op.cit.*, j. 1, hlm. 239.

²⁶ Abdullah Yusuf Ali (1991), *op.cit.*, hlm. 107.

²⁷ Muṣṭafā Abdullāh (1997), terj. Siti Sujinah Sarnap, *op.cit.*, hlm. 365.

Maksudnya:

Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang dikurniakan Allah s.w.t. kepadanya menyangka bahawa kebakhilan itu lebih baik bagi mereka, bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (disiksakan) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada Hari Kiamat kelak. Dan bagi Allah s.w.t. juga hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah s.w.t. Maha Mengetahui segala yang kamu kerjakan.

Dalam ayat ini Allah s.w.t. berfirman, janganlah orang-orang yang bakhil itu mengira bahawa kebakhilan mereka dengan harta yang dikurniakan Allah s.w.t. kepada mereka di dunia ini dengan tidak menunaikan hak-hak Allah s.w.t. yang difardukan seperti zakat merupakan suatu perkara atau sifat yang baik serta bermanfaat kepada mereka di sisi Allah s.w.t. pada hari kiamat nanti.²⁸ Sebenarnya kebakhilan merupakan sesuatu yang buruk dan mendatangkan mudarat kepada mereka di dunia dan di akhirat. Segala harta dan kekayaan yang mereka kedekutkan itu akan menyebabkan mereka mendapat siksaan pada hari akhirat nanti. Allah s.w.t. juga berfirman bahawa bagi-Nya segala warisan yang terdapat di langit dan di bumi maka nafkahkanlah segala yang Allah s.w.t. anugerahkan kerana segala urusan akan kembali kepada-Nya. Gunakanlah harta untuk melakukan amalan yang akan memberi manfaat di akhirat kelak. Allah s.w.t. Maha Mengetahui niat dan apa yang terkandung di dalam dada hamba-Nya.²⁹

Bakhil di sini bermaksud bakhil harta iaitu orang-orang yang dikurniakan Allah s.w.t. harta yang banyak kepada mereka enggan untuk membelanjakannya

²⁸ Al-Tabari (1988), *op.cit.*, j. 3, hlm. 190; Al-Šabūnī (t.t.), *op.cit.*, j. 1, hlm. 241.

²⁹ *Ibid.*

pada jalan Allah s.w.t. dan tidak menunaikan zakat. Pendapat yang lain menyatakan bahawa bakhil di sini dimaksudkan dengan bakhil ilmu iaitu orang-orang Yahudi yang menyembunyikan sifat Nabi Muhammad s.a.w. dan kenabian baginda sepetimana yang tercatat di dalam kitab Taurat.³⁰ Ibn 'Abbas menyatakan bahawa ayat ini diturunkan mengenai ahli Kitab yang menyembunyikan tentang sifat Nabi s.a.w. dan kenabiannya, maka bakhil di sini ialah bakhil ilmu yang menerangkan kebenaran. Pendapat yang lain mengatakan bahawa ayat ini diturunkan tentang orang yang tidak mengeluarkan zakat. Kebanyakan ahli tafsir berpendapat bahawa maksud bakhil di sini ialah bakhil untuk mengeluarkan sedekah yang difardukan.³¹

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nisā' ayat 39 berbunyi:

وَمَاذَا عَلَيْهِمْ لَوْءَامُوا بِاللَّهِ وَالنِّيُومِ الْآخِرِ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقَهُمُ اللَّهُ
وَكَانَ اللَّهُ يَعْلَمُ بِهِمْ عَلِيًّا

Maksudnya:

Dan apakah (kerugian) yang akan menimpa mereka jika mereka beriman kepada Allah s.w.t. dan hari kemudian serta menafakahkan sebahagian rezeki yang diberikan Allah s.w.t. kepada mereka? Dan (ingatlah), Allah s.w.t. Maha Mengetahui keadaan mereka itu.

Susunan ayat ini merupakan bentuk pertanyaan daripada Allah s.w.t. yang mengandungi celaan kepada orang yang ditujukan ayat ini.³² Dalam ayat ini Allah s.w.t. berfirman, apakah yang memudaratkan mereka sekiranya mereka beriman kepada Allah s.w.t. dan melalui jalan yang terpuji, beriman kepada hari

³⁰ Al-Rāzī (1994), *op.cit.*, j. 5, hlm. 118; Al-Tabarī (1988), *loc.cit.*

³¹ Muhammad Rashid Reḍā (t.t.), *op.cit.*, j. 4, cet. 2, hlm. 258.

³² Ahmad Sonhadji Mohamad (1989), *Tafsir al-Quran*, j. 5. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan, dengan kerjasama Syarikat Binyahya, hlm. 59.

kiamat dan pembalasannya, menukar perasaan riyak kepada ikhlas, mengharapkan janji-Nya di akhirat dengan amalan yang baik serta menafkahkan rezeki dan segala yang dikurniakan-Nya untuk keperluan dan kepentingan yang diredayai-Nya. Allah s.w.t. Maha Mengetahui dengan segala amalan dan niat mereka sama ada yang baik atau buruk, mengetahui siapa di antara hamba-hamba-Nya yang layak mendapat petunjuk untuk melakukan amalan salih yang diredayai-Nya serta menerima ganjaran yang dijanjikan serta siapa yang patut ditinggalkan dan dijauahkan dari sisi-Nya sehingga menjadi sia-sia segala amalannya dan menerima kerugian di dunia dan di akhirat.³³

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Anfal ayat 3 & 4 berbunyi:

الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمَمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ۚ أُولَئِكَ
هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًا لَّهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ
كَرِيمٌ

Maksudnya:

Orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Mereka itulah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan memperoleh beberapa darjah (kehormatan) di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (syurga).

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menerangkan sifat-sifat lahiriyah orang-orang Mukmin sebagai lanjutan dari sifat-sifat dalam ayat sebelumnya. Di antara sifat tersebut ialah golongan yang membelanjakan sebahagian dari rezeki yang

³³ Al-Tabārī (1988), *op.cit.*, j. 4, hlm. 88; Muḥammad Rašīd Rāfiḍā (1973), *op.cit.*, j. 5, cet. 2, hlm. 102 – 104; Al-Šābūnī (t.t.), *op.cit.*, j. 1, hlm. 391.

dikurniakan Allah s.w.t. kepada mereka dengan berzakat, bersedekah, memberi nafkah kepada keluarga terdekat dan jauh, nafkah dalam perjuangan jihad, membantu kegiatan sosial dan agama serta kemaslahatan umat semata-mata kerana mentaati Allah s.w.t.³⁴

Apabila hati beriman kepada Allah s.w.t., timbulah kepercayaan bahawa harta benda yang dimiliki adalah rezeki yang dianugerahkan Allah s.w.t. Seandainya seorang Mukmin mengerjakan sembahyang untuk mengeratkan hubungan dengan Allah s.w.t. maka dia akan mengeluarkan harta benda itu bagi menguatkan hubungannya dengan sesama manusia. Zakat dikeluarkan apabila telah cukup haul dan nisab serta memberikan hadiah, *hibah*, wakaf, bantuan, derma dan sokongan sebagai amal kebajikan.³⁵ Ayat ini merupakan pujian Allah s.w.t. kepada mereka yang memiliki sifat terpuji. Di samping itu mereka akan dikurniakan kehormatan yang tinggi, diampunkan kesalahan dan diberi rezeki di syurga. Inilah suatu jaminan Allah s.w.t. kepada mereka di kemudian hari kelak.³⁶

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Anfal ayat 60 berbunyi:

وَأَعِذُّوا لَهُم مَا أَسْتَطَعْتُم مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ
ثُرْهُثُونَ بِهِ عَدُوَ اللَّهِ وَعَدُوُكُمْ وَآخَرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ
يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنِفِقُوا مِنْ شَرِيعَةٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفِّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ
لَا تُظْلَمُونَ

³⁴ Ahmad Sonhadji Mohamad (1989), *op.cit.*, j. 9, hlm. 188 & 189; Al-Rāzī (1994), *op.cit.*, j. 8, hlm. 124; H.Bustami A.Ghani *et.al* (penyusun) (1993), *Al-Quran dan Tafsirnya*, j. 3. Semarang: PT. Citra Effhar Ltd., hlm. 705 & 706.

³⁵ Hamka, Haji Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (1990), *Tafsir al-Azhar*, j. 4. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., hlm. 2692.

³⁶ Ahmad Sonhadji Mohamad (1989), *op.cit.*, j. 9, hlm. 189.

Maksudnya:

Hendaklah kamu sediakan untuk melawan mereka (musuh yang menceroboh), sekadar tenagamu, kekuatan dan kuda yang terpaut, dengan demikian kamu mempertakuti musuh Allah s.w.t. dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya sedangkan Allah s.w.t. mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah s.w.t. akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tiada teraniaya.

Allah s.w.t. memerintahkan agar bersiap sedia dengan segala macam alat senjata yang ada. Pada zaman Rasulullah s.a.w. mereka berperang dengan menggunakan pedang dan tombak. Semakin lama persenjataan kian maju sampai kepada berbagai-bagai jenis senjata seperti senapang, meriam, bom dan seumpamanya. Maka ayat ini mengarahkan agar umat Islam bersiap sedia mengikut perkembangan persenjataan itu. Ayat yang bermaksud, “untuk kamu menakutkan musuh Allah dan musuh kamu” bererti dengan persiapan perang yang mantap dan kuat itu maka pihak musuh iaitu orang kafir akan berfikir terlebih dahulu sebelum mereka membuat keputusan untuk memerangi atau memungkiri janji.³⁷

Ulama berselisih pendapat mengenai maksud “musuh yang lain dari mereka yang tidak diketahui kecuali Allah s.w.t.” Ada yang mengatakan musuh itu adalah Yahudi Bani Quraizah, orang-orang Parsi, kaum munafik, satu kaum daripada jin, syaitan dan lain-lain lagi.³⁸ Kadangkala apabila musuh sangat membahayakan kedudukan kaum muslimin, maka ia memerlukan kepada

³⁷ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 4, hlm. 2795 & 2796.

³⁸ Al-Šābūnī (t.t.), *op.cit.*, j. 2, hlm. 115; Al-Ṭabarī (1988), *op.cit.*, j. 6, hlm. 31 & 32; Muḥammad Rashid Reḍā (t.t.), *op.cit.*, j. 10, cet. 2, hlm. 64; Ismā’il Haqqī al-Barūsiwī (1985), *Tafsīr Rūh al-Bayān*, j. 3, cet. 7. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, hlm. 366.

perlengkapan senjata yang lebih banyak. Dalam zaman moden ini contohnya, kadang-kadang perbelanjaan negara untuk bidang pertahanan melebihi perbelanjaan untuk bidang yang lain. Pada akhir ayat ini dijelaskan bahawa segala pengorbanan dan perbelanjaan yang dilakukan pasti menerima ganjaran dari Allah s.w.t. pengorbanan itu tidak akan sia-sia kerana semua itu demi keselamatan masyarakat mereka sendiri.³⁹

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Taubah ayat 98 & 99 berbunyi:

وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَن يَتَّخِذُ مَا يُنِفِقُ مَغْرَمًا وَيَتَرَبَّصُ بِكُمْ الدَّوَابِرَ
عَلَيْهِمْ دَآءِرَةُ السُّوءِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ ﴿٩٨﴾ وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَن
يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَتَّخِذُ مَا يُنِفِقُ قُرْبَاتٍ عِنْدَ اللَّهِ
وَصَلَوَاتٍ أَلَّرْسُولِ لَا إِنَّهَا قُرْبَةٌ لَهُمْ سَيِّدُ خَلْقِهِمُ اللَّهُ فِي رَحْمَتِهِ إِنَّ
اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٩﴾

Maksudnya:

Dan di antara orang-orang Arab Badwi (yang munafik) itu memandang nafkah yang diberikannya (di jalan Allah s.w.t.) sebagai satu kerugian (denda) sambil menantikan peredaran zaman (yang membawa bencana) menimpa kamu. Bahkan di atas mereka itulah (tertimpanya bencana yang dibawa oleh) peredaran zaman yang buruk itu. Dan (ingatlah), Allah s.w.t. Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Dan di antara orang-orang Arab Badwi itu, ada yang beriman kepada Allah s.w.t. dan hari yang kemudian serta menafkahkan hartanya untuk menghampirkan diri kepada Allah s.w.t. dan doa rasul-Nya. Ingatlah, sesungguhnya nafkah itu menghampirkan mereka kepada Allah s.w.t., Dia akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya (syurga). Sesungguhnya Allah s.w.t. amat Pengampun lagi amat Penyayang.

³⁹ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 4, hlm. 2797.

Ayat ini menjelaskan bahawa kaum Badwi mahukan kebebasan dan tidak mengakui kekuasaan lain yang mengatasi mereka. Justeru itu setiap kabilah mempertahankan kemerdekaan agar tidak diganggu-gugat. Tetapi satu kabilah akan berperang dengan kabilah yang lain untuk mempertahankan kemerdekaan kabilah masing-masing. Kedatangan Rasulullah s.a.w. adalah untuk menyalurkan semangat kemerdekaan diri yang bernyala-nyala itu untuk menegakkan jalan Allah s.w.t. Malangnya disebabkan selama ini kemerdekaan peribadi mereka belum mencapai tujuan yang mulia maka apabila diseru oleh Rasulullah s.a.w. untuk mengorbankan harta untuk jalan Allah s.w.t., mereka menyangka bahawa ia sebagai sewa atau denda yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Mereka telah menentang seruan ini serta mempertahankan kekufturan dan kemunafikan. Ringkasnya mereka adalah anti pemuatan kekuasaan. Mereka sentiasa mengharapkan agar kekuasaan pusat yang selalu meminta pengorbanan dan membayar denda ini segera runtuh.⁴⁰

Sebenarnya peredaran zaman yang buruk akan jatuh ke atas mereka sendiri bukannya ke atas Rasulullah s.a.w. ataupun Islam. Peredaran zaman yang buruk ini akan jatuh ke atas mereka yang enggan mengeluarkan perbelanjaan untuk menegakkan agama Allah s.w.t. Pengorbanan yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah pengorbanan dalam menghadapi Perang Tabuk. Di dalam Perang Tabuk ini, bukannya Rasulullah s.a.w. yang kalah tetapi bangsa Rom yang takut berhadapan dengan Rasulullah s.a.w. Baginda pulang bersama tenteranya dengan selamat setelah beberapa kabilah Arab yang telah memeluk agama Nasrani menyatakan tunduk dan membayar jizyah, tetapi orang Arab Badwi ini akan

⁴⁰ *Ibid.*, j. 4, hlm. 3093.

hancur kedudukan mereka dan runtuhalah masyarakat yang mereka perjuangkan itu.

Dalam ayat seterusnya Allah s.w.t. menerangkan bahawa ada di kalangan mereka ini yang beriman kepada Allah s.w.t., rasul-Nya dan hari akhirat. Disebabkan keimanan ini, mereka sanggup membelanjakan harta mereka dengan hati yang ikhlas, malahan mereka menganggap bahawa pengeluaran harta pada jalan Allah s.w.t. ini merupakan jalan untuk mendekatkan diri dengan-Nya. Di samping mendekatkan diri dengan Allah s.w.t., mereka juga mengharapkan doa dari Rasulullah s.a.w.⁴¹ Diriwayatkan bahawa ayat ini (al-Quran, 9: 99) turun berkenaan dengan Bani Muqrin dan berkaitan dengan turunnya ayat yang bermaksud, “dan tiada (pula dosa) ke atas orang-orang yang apabila mereka datang kepada kamu supaya kamu memberi kepada mereka kenderaan, lalu kamu berkata : “Aku tidak memperolehi kenderaan untuk membawa kamu” (al-Quran, 9: 92).⁴²

Mujahid mentafsirkan ayat ini bahawa Arab Badwi yang beriman ini ialah Bani Muqrin dan keturunan Muzainah, termasuklah di antaranya mereka yang memohon untuk turut serta ke Tabuk tetapi tiada kenderaan untuk mengangkut mereka lalu mereka pulang sambil menangis.⁴³ Menurut al-Kalbi pula ialah Bani Aslam, Bani Ghiffar, Juhainah dan Muzainah.⁴⁴ Pendapat yang lain pula menyatakan bahawa golongan yang beriman ini adalah dari kaum

⁴¹ *Ibid.*, j. 4, hlm. 3094 & 3095.

⁴² Shaleh *et.al* (1989), *Asbabun Nuzul: Latar Belakang Historis Turunnya Ayat-ayat al-Quran*, cet. 3, Klang, Selangor: Klang Book Centre, hlm. 253.

⁴³ Al-Tabarī (1988), *op.cit.*, j. 7, hlm. 5; Hamka (1990), *op.cit.*, j. 4, hlm. 3095.

⁴⁴ *Ibid.*

Juhainah dan Muzainah dan ada pula pandangan yang mengatakan dari suku Bani Aslam, Asyja' dan Ghiffar.⁴⁵

Seterusnya dijelaskan bahawa pengharapan mereka tidak akan sia-sia di sisi Allah s.w.t. Satu permohonan yang dipohon iaitu mendekatkan diri kepada Allah s.w.t., tetapi mereka dikurniakan dua perkara iaitu mereka juga akan dimasukkan ke dalam rahmat-Nya yakni rahmat dunia dan akhirat. Setelah Allah s.w.t. memperkenankan pengharapan mereka dan ditambah dengan janji akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya maka Rasulullah s.a.w. turut menerima permintaan mereka yang kedua iaitu didoakan.⁴⁶

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ra'd ayat 22 berbunyi:

وَالَّذِينَ صَبَرُوا أَبْيَعَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرُءُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ أُولَئِكَ لَهُمْ عَفْيٌ

الدّار

Maksudnya:

Dan orang-orang yang sabar kerana mengharapkan keredaan Tuhananya dan mendirikan sembahyang serta menafakahkan sebahagian rezeki yang kami berikan kepada mereka dengan secara bersembunyi atau berterang-terangan, dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik, mereka itu sekaliannya adalah disediakan baginya balasan yang sebai-baiknya pada hari akhirat.

Dalam ayat ini dijelaskan orang-orang yang membelanjakan sebahagian dari harta yang dikurniakan Allah s.w.t. kepada mereka untuk sara hidup sebagai

⁴⁵ Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 11, hlm. 25.

⁴⁶ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 4, hlm. 3096.

nafkah yang wajib kepada isteri, anak dan ahli keluarga yang miskin ataupun nafkah sunat kepada orang lain yang miskin dan berhajat. Membelanjakan harta ini boleh dilakukan secara sembuni-sembuni jika ia merupakan sedekah *tatawwu'* atau derma sukarela dan secara terang-terang sekiranya ia merupakan zakat yang wajib demi mengelakkan dari tohmahan tidak mengeluarkan zakat.⁴⁷ Menafkahkan harta dengan rahsia juga kadangkala bertujuan untuk menjaga perasaan orang yang ditolong agar kehormatan dirinya tidak tersinggung kerana terdapat sebahagian manusia yang rela mati kelaparan daripada rahsia kemiskinan mereka diketahui umum. Manakala membelanjakan harta secara terang-terangan untuk suatu kebajikan kesejahteraan masyarakat seperti membangunkan masjid, dilaksanakan dengan terang supaya perbuatannya itu diteladani orang lain.⁴⁸ Golongan yang disifatkan oleh Allah s.w.t. dengan kebaikan-kebaikan yang mereka kerjakan ini semasa di dunia akan mendapat tempat yang baik kesudahannya di negeri akhirat, iaitu syurga.⁴⁹

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Hajj ayat 34 & 35 berbunyi:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مِنْكُمْ كَائِنِيْذُ كُرُوأً أَسْمَ اللَّهِ عَلَى مَا رَزَقَهُمْ مِنْ
بَهِيمَةِ الْأَنْعَمِ فِي الْهُكْمِ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَلَهُ هُوَ أَسْلِمُوا وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ
الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَالصَّابِرِينَ عَلَى مَا
أَصَابَهُمْ وَالْمُقِيمِ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفَقُونَ

⁴⁷ Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 13, hlm. 137.

⁴⁸ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 5, hlm. 3755 & 3756.

⁴⁹ Al-Tabari (1988), *op.cit.*, j. 8, hlm. 141; Al-Razi (1994), *op.cit.*, j. 10, hlm. 51; Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 13, hlm. 138.

Maksudnya:

Dan bagi tiap-tiap umat Kami adakan tempat beribadat supaya mereka menyebut nama Allah s.w.t. atas rezeki yang diberikan-Nya kepada mereka iaitu binatang ternak yang disembelih itu. Maka Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa, maka patuhlah kamu kepada-Nya dan sampaikan khabar gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang taat, iaitu mereka yang apabila disebut nama Allah s.w.t. gementar hatinya ketakutan dan orang-orang yang sabar terhadap cubaan yang menimpa mereka dan orang-orang yang mendirikan sembahyang serta orang-orang yang menafakkan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepadanya.

Dalam ayat ini Allah s.w.t. berfirman bahawa telah ditetapkan bagi setiap umat pengabdian dan syariat sembelihan binatang korban pada suatu masa tertentu supaya mereka mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. dengan menyebut nama-Nya ketika melakukan penyembelihan binatang ternakan yang dikurniakan-Nya.⁵⁰ Inilah tujuan korban yang sebenarnya, bukan bertujuan untuk mengambil hati yang berkuasa kerana Allah s.w.t. adalah Tunggal dan Dia tidak berkehendakkan daging atau darahnya. Sebaliknya sebagai tanda bersyukur kepada-Nya dengan membahagi-bahagikan daging itu kepada sesama manusia. Allah s.w.t. juga menyebut beberapa sifat hamba-Nya yang taat kepada perintah-Nya dalam susunan bertenagat. Di antaranya termasuklah bersyukur kepada Allah dengan melalui tindakan terang-terangan iaitu memberi sedekah kepada sesama makhluk manusia.⁵¹

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Qasas ayat 54 berbunyi:

أُولَئِكَ يُؤْتَوْنَ أَجْرَهُمْ مَرْتَبٌ وَّمَا صَبَرُوا وَّمَا يَدْرَءُونَ بِالْحَسَنَةِ الْسَّيِّئَةَ

وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

⁵⁰ Al-Šabūnī (t.t.), *op.cit.*, j. 2, hlm. 543; Al-Barūsiwī (1985), *op.cit.*, j. 6, cet. 7, hlm. 33.

⁵¹ Abdullah Yusuf Ali (1991), *op.cit.*, hlm. 860.

Maksudnya:

Mereka itu akan beroleh pahala dua kali kerana kesabaran mereka dan juga kerana mereka menolak kejahatan dengan (memperbuat) kebaikan, dan mereka pula menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menerangkan tentang balasan pahala dua kali ganda kepada ahli kitab, pertamanya kerana keimanan mereka terhadap kitab mereka dan keduanya kerana keimanan mereka kepada al-Quran dan memeluk Islam. Mereka mencapai kejayaan tersebut kerana mereka sabar menderita dan tetap teguh mempertahankan iman mereka walaupun menghadapi pelbagai rintangan dari kaum mereka dan kaum musyrikin yang lain.⁵² Mereka ini juga menolak segala cacian yang dilemparkan ke atas mereka dengan memberi kemaafan dan melupakannya begitu sahaja. Mereka juga membelanjakan kurniaan Allah s.w.t. daripada harta pencarian yang halal dengan memberi nafkah kepada isteri dan tanggungan mereka, memberi zakat wajib kepada golongan yang berhak menerimanya serta membantu golongan yang memerlukan bantuan dan derma.⁵³

Firman Allah s.w.t. dalam surah Sajdah ayat 16 berbunyi:

تَجَافِيْ جُنُوبَهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُوْنَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا

وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُوْنَ

⁵² Abdullah Muhammad Basmih (1990), *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran 30 Juzu'*, cet. 10. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, hlm. 836; Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 20, hlm. 116; Abdullah Yusuf Ali (1991), *op.cit.*, hlm. 1017.

⁵³ Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 20, hlm. 117 & 118.

Maksudnya:

Mereka merenggangkan diri dari tempat berbaring (kurang tidur di malam hari), sedang mereka memohon kepada Tuhan mereka dengan ketakutan dan harapan, dan mereka selalu menafakahkan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepadanya.

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menyebut di antara sifat orang Mukmin ialah mereka kurang tidur di waktu malam tetapi sentiasa bangun mengerjakan ibadat dan sembahyang malam serta berdoa kepada Allah s.w.t. kerana takutkan kemurkaan dan seksa-Nya. Mereka juga memohon rahmat dan keampunan-Nya. Di samping itu, mereka sentiasa bersedekah, berderma dan membelanjakan sebahagian daripada harta atau rezeki yang dikurniakan Allah s.w.t. kepada mereka dalam perkara kebajikan Menurut Anas bin Malik, ayat ini ditujukan kepada kaum Ansar.⁵⁴

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Saba' ayat 39 berbunyi:

فُلْ إِنَّ رَبِّيٍّ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنْقَثْتُمْ
مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الْرَّازِقِينَ

(39)

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad), sesungguhnya Tuhanmu melapangkan rezeki bagi siapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya dan Dia juga menyempitkan baginya. Apa sahaja yang kamu naflahkan maka Allah s.w.t. akan mengantikannya dan Dia sebaik-baik yang memberi rezeki.

Dalam ayat ini Allah s.w.t. mengarah Rasulullah s.a.w. memberi peringatan kepada orang-orang yang tertipu dengan banyaknya harta serta

⁵⁴ /bid., j. 21, hlm. 185 & 186.

berkembang-biaknya anak dan keturunan kerana belum pasti semuanya itu akan membawa kesejahteraan dan kemegahan.⁵⁵ Juga menerangkan bahawa banyaknya harta serta ramainya anak tidak melambangkan keelokan keadaan dan kepercayaan mereka atau tingginya taraf hidup tidak semestinya menandakan kemuliaan. Hanya orang-orang yang beriman sahaja akan memperolehi semuanya ini.⁵⁶ Allah s.w.t. juga menegaskan bahawa Dia melapangkan rezeki kepada para hamba yang disukai-Nya dan menyempitkannya rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dengan hikmah kebijaksanaan-Nya. Sesiapa yang disempitkan Allah s.w.t. rezekinya hendaklah menghadapinya dengan sabar dan tabah, tetap berusaha dan bertawakkal. Manakala bagi seseorang yang dikurniakan rezeki yang banyak hendaklah mempergunakan harta itu untuk perkara-perkara yang diredayai Allah s.w.t.⁵⁷

Oleh itu orang Islam tidak perlu bimbang akan menjadi miskin dan papa tetapi hendaklah mereka membelanjakan sebahagian dari rezeki mereka dengan baik kerana mentaati perintah Allah s.w.t., dengan ini mereka akan diganti oleh-Nya di dunia berupa harta dan di akhirat berupa pahala. Mujahid telah mengatakan, sesiapa yang memiliki harta hendaklah berjimat cermat kerana rezeki itu dibahagi-bahagikan. Kemungkinan pembahagian untuknya sedikit, jadi sekiranya dibelanjakan seperti keadaan orang yang mewah rezekinya iaitu dengan membelanjakan kesemua yang ada di tangannya maka jadilah dia papa sepanjang hayat lantaran salah mentakwilkan ayat “dan apa yang kamu belanjakan dari

⁵⁵ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 8, hlm. 5866.

⁵⁶ Al-Rāzī (1994), *op.cit.*, j. 13, hlm. 264.

⁵⁷ H.Bustami A.Ghani *et.al* (penyusun) (1993), *op.cit.*, j. 8, hlm. 108.

sesuatu maka Allah s.w.t. akan menggantinya.” Maksud ayat ini ialah untuk menggantinya di akhirat. Sesungguhnya Allah s.w.t. pemberi rezeki yang hakiki.⁵⁸

Firman Allah s.w.t. dalam surah Fâtir ayat 29 & 30 berbunyi:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقَنَاهُمْ سِرًّا
وَعَلَيْنِيهِمْ يَرْجُونَ تِجْرِيَةً لَنْ تَبُورَ ﴿٢٩﴾ لِتُؤْفِقُهُمْ أَجُورَهُمْ وَبِرِّيَدُهُمْ
مِنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang membaca kitab Allah s.w.t. (*al-Quran*), mendirikan sembahyang dan menafkahkan sebahagian rezeki yang kami berikan kepadanya dengan bersembunyi atau berterang-terangan adalah mereka mengharapkan suatu perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian, supaya Allah s.w.t. menyempurnakan pahala mereka dan menambah mereka dengan kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah s.w.t. amat Pengampun lagi berterima kasih (memberi nikmat dan pahala).

Dalam satu riwayat dinyatakan bahawa ayat ini (*al-Quran*, 35 : 29) turun berkenaan dengan Ḥusain ibn al-Ḥarth ibn 'Abd al-Muṭṭalib ibn 'Abd Manāf al-Quraisy. Ayat ini menegaskan ciri-ciri orang yang Allah s.w.t. menerima amalannya.⁵⁹ Ayat ini mengemukakan tiga syarat utama yang perlu dipatuhi agar ilmu pengetahuan mendatangkan faedah dan ketakutan kepada Allah s.w.t. dapat dipupuk. Syarat pertama ialah sentiasa membaca *al-Quran* dengan sebenarnya,⁶⁰ iaitu mengikut, menurut dan mengamalkan kewajipan agama yang telah ditetapkan.⁶¹ Syarat kedua ialah mendirikan sembahyang kerana dengan

⁵⁸ Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 22, hlm. 149 – 151.

⁵⁹ Shaleh *et.al* (1989), *op.cit.*, hlm. 397.

⁶⁰ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 8, hlm. 5933.

⁶¹ Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 22, hlm. 205 & 206.

mendirikan sembahyang sekurang-kurangnya lima waktu sehari semalam. jiwa sentiasa berhubung dengan Allah s.w.t. Syarat penyempurnaan peribadi yang ketiga ialah menafkahkan sebahagian dari rezeki yang dianugerahkan Allah s.w.t. Perbuatan ini bukan sahaja memperkuatkan hubungan dengan masyarakat malah memelihara diri dari penyakit bakhil yang amat merbahaya untuk perkembangan jiwa.⁶²

Di antara cara membelanjakan harta kurniaan Allah s.w.t. ialah dengan berzakat, bersedekah, berderma dan seumpamanya. Ia boleh dilakukan secara sembunyi atau terang-terangan. Tujuan mereka beramal sedemikian adalah mengharapkan pahala yang besar sebagai pembalasan atas amalan baik yang dikerjakan. Sesungguhnya Allah s.w.t. akan memberikan mereka pahala yang cukup dan ditambah dengan kurniaan rahmat-Nya serta keampunan di atas kesalahan yang pernah mereka lakukan kerana Allah s.w.t. Pengampun dan Pemberi Balasan.⁶³

Firman Allah s.w.t. dalam surah Yasin ayat 47 berbunyi:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمُ اللَّهُ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ آمَنُوا
أَنْطُعُمُ مَنْ لَوْيَشَاءُ اللَّهُ أَطْعَمَهُ وَإِنْ أَنْتُمْ إِلَّا فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ


Maksudnya :

Apabila dikatakan kepada mereka: Nafkahkanlah sebahagian rezeki yang diberikan Allah s.w.t. kepadamu, lalu berkata orang-orang yang kafir kepada orang-orang yang beriman (secara mengejek-ejek): Adakah akan kami beri makan orang, jika Allah

⁶² Hamka (1990), *op.cit.*, j. 8, hlm. 5934.

⁶³ Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 22, hlm. 206.

s.w.t. menghendaki, nescaya Allah s.w.t. memberinya makan. Kamu ini tidak lain hanyalah berada dalam kesesatan yang nyata.

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menyebut mengenai golongan yang enggan menyumbangkan sebagian dari harta mereka yang dikurniakan Allah s.w.t. Apabila dianjurkan kepada mereka agar menafkahkan harta untuk kepentingan fakir miskin dan orang-orang yang memerlukan bantuan, anjuran ini telah ditolak dengan alasan Allah s.w.t. dapat memberi makan kepada golongan tersebut jika dikehendaki-Nya. Mereka juga mengatakan bahawa orang-orang Mukmin yang gemar menafkahkan harta benda untuk menolong fakir miskin itu adalah orang-orang yang sesat.⁶⁴ Pendirian mereka adalah pendirian yang sesat. Mereka tidak mahu menjalin hubungan kasih sayang dengan sesama manusia dan mengambil tahu nasib fakir dan miskin. Mereka menyangka bahawa mereka berada di jalan yang benar sedangkan jalan mereka merupakan jalan yang sesat kerana walaupun sebanyak mana sekalipun kekayaan yang dimiliki, mudah sahaja Allah s.w.t. mencabut berkat dan rahmat-Nya daripada harta itu seterusnya terpencil daripada pergaulan serta mendapat kutukan sesama manusia.⁶⁵

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Syūra ayat 38 berbunyi:

وَالَّذِينَ آتَيْتَهُمْ أَنْجَابُهُمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ
وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنِفِّقُونَ

Maksudnya:

Dan (untuk) orang-orang yang memperkenankan (seruan) kepada Tuhan mereka dan mendirikan sembahyang dengan sempurna, sedang urusan mereka dijalankan dengan bermusyawarah sesama mereka

⁶⁴ H.Bustami A.Ghani *et.al* (penyusun) (1993), *op.cit.*, j. 8, hlm. 244.

⁶⁵ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 8, hlm. 6010.

dan mereka menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

Dalam ayat ini Allah s.w.t. menjelaskan di antara sifat-sifat orang yang gemarkan pahala yang mendatangkan kebaikan kepadanya ialah orang-orang yang menyahut seruan Tuhan mereka untuk mentauhidkan Allah s.w.t. dengan membebaskan diri dari pengaruh syirik, mengerjakan ibadat, menjalankan perintah Allah s.w.t. dan meninggalkan larangan-Nya. Ayat ini ditujukan kepada kaum Ansar di Madinah apabila mereka mula-mula datang ke Mekah seramai 12 orang sebelum hijrah, diseru oleh Rasulullah s.a.w. dan mereka menyahut seruan Baginda lalu beriman. Mereka tetap mengerjakan sembahyang fardu pada waktunya dengan sempurna syarat dan rukunnya. Mereka selalu berunding, berbincang dan bermesyuarat sesama mereka agar segala urusan berjalan lancar. Mereka juga membelanjakan sebahagian harta kurniaan Allah s.w.t. kepada perkara-perkara kebajikan.⁶⁶

Ayat ini dengan tegas menjelaskan bahawa hasil iman seseorang itu bukanlah semata-mata untuk dirinya sendiri. Iman bukan hanya hubungan peribadi orang perseorangan dengan Allah s.w.t. tetapi juga membawa hubungan peribadi dengan urusan bersama secara langsung. Dimulai dengan sembahyang iaitu berjemaah dan berjumaat merupakan dasar bermasyarakat. Dalam masyarakat wujud urusan yang dipikul secara bersama disebut demokrasi atau gotong-royong dan mereka menafkahkan rezeki untuk kepentingan bersama.

⁶⁶ Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 25, hlm. 92 – 94; Al-Barusawi (1985), *op.cit.*, j. 8, cet. 7, hlm. 331 & 332.

Rezeki termasuklah harta benda, emas, perak, tenaga, fikiran, kepandaian ilmu, keahlian dan pengalaman.⁶⁷

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Hujurāt ayat 15 berbunyi:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ظَاهَرَ أَمْتَهْنَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا
وَجَهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ
هُمُ الصَّادِقُونَ ١٥

Maksudnya:

Orang-orang Mukmin hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah s.w.t. dan rasul-Nya, kemudian mereka tidak pernah ragu-ragu, dan mereka berjuang di jalan Allah s.w.t. dengan harta dan dirinya. Mereka itulah orang-orang yang benar.

Ayat ini adalah sebagai petunjuk kepada orang-orang Arab Badwi tentang hakikat iman yang sebenarnya.⁶⁸ Dinyatakan dengan tegas mengenai mutu iman iaitu kepercayaan yang tidak bercampur dengan perasaan ragu-ragu walau sedikitpun.⁶⁹ Segala keraguán hati akan hilang apabila mereka merasakan kepuasan batin dan keindahan hidup dalam perjuangan di jalan Allah s.w.t. Mereka berjuang dengan segala harta dan tenaga. Sesiapa yang berani mati kerana mempertahankan nilai suatu pendirian maka hidup yang dijalannya amat bermakna. Seandainya mereka ini menyatakan bahawa mereka beriman maka itulah kejujuran sejati.⁷⁰

⁶⁷ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 9, hlm. 6520 & 6521.

⁶⁸ Al-Rāzī (1994), *op.cit.*, j. 14, hlm. 144.

⁶⁹ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 9, hlm. 6840.

⁷⁰ Al-Šābūnī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, hlm. 369; Hamka (1990), *op.cit.*, j. 9, hlm. 6841.

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Hasyr ayat 9 berbunyi:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُو الْدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ
هَا جَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَحِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً
مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقَ
شُحًّ نَفْسِيهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

Orang-orang yang mendiami kampung (Madinah) dan beriman sebelum mereka (al Ansar), mereka mengasihi orang-orang yang berhijrah kepada mereka dan tidak ada dalam hati mereka iri hati kerana orang-orang al-Muhajirun mendapat harta rampasan, bahkan mereka mengutamakan (al-Muhajirun) daripada diri mereka sendiri, meskipun pada sesuatu yang mereka berhajat kepadanya. Barangsiapa yang memelihara dirinya daripada kekikiran maka mereka itulah orang-orang yang berjaya.

Diriwayatkan bahawa kaum Ansar berkata: "Wahai Rasulullah! Bahagidualah tanah ini kepada kami kaum Ansar dan Muhajirin". Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidak! Penuhi sahajalah keperluan mereka dan bagilah buah kurmanya, tanah itu tetap kepunyaan kamu". Mereka menjawab: "Kami reda atas keputusan itu". Maka turunlah ayat ini (al-Quran, 59: 9) menggambarkan sifat-sifat kaum Ansar yang tidak mementingkan diri sendiri.⁷¹ Dalam riwayat lain diceritakan bahawa seorang lelaki datang mengadap Rasulullah s.a.w. dan memberitahu beliau lapar. Rasulullah s.a.w. meminta makanan dari isteri-isteri baginda tetapi tiada makanan sama sekali. Kermudian baginda bersabda: "Siapakah di antara kamu semua yang sanggup memberi makan kepada tetamu ini pada malam ini? Mudah-mudahan Allah s.w.t. memberi rahmat kepadanya".

⁷¹ Shaleh et.al (1989), *op.cit.*, hlm. 481 – 482; Jalāluddīn al-Suyūthī (t.t.), terj. M.Abdul Mujieb As., *Lubabun Nuqūl fi Ashabun Nuzūl (Riwayat Turunnya Ayat-ayat al-Quran)*. Kuala Lumpur: Penerbit Darulfikir, hlm 580 & 581.

Seorang Ansar menjawab: "Saya wahai Rasulullah". Beliau pun pergi kepada isterinya dan berkata: "Hidangkan makanan yang ada untuk tetamu Rasulullah". Isterinya menjawab: "Demi Allah, tidak ada makanan kecuali sedikit untuk anak-anak". Suaminya berkata: "Apabila mereka hendak makan, turunkan mereka dan padamkan lampunya, biarkan kita menahan lapar pada malam ini". Isterinya melaksanakan permintaan suaminya itu.⁷² Keesokan harinya, Rasulullah s.a.w bersabda: "Allah s.w.t. bangga dan gembira dengan perbuatan seorang sahabat suami isteri itu". Ayat ini (al-Quran, 59: 9) turun berkenaan dengan peristiwa itu yang menggambarkan perbuatan seseorang yang mengambil berat kepentingan orang lain. Dalam riwayat lain dinyatakan bahawa tetamu Rasulullah s.a.w. itu bernama Thābit ibn Qais ibn Syammās⁷³ dan lelaki daripada kaum Ansar ini ialah Abū Talhah.⁷⁴

Riwayat lain pula mengemukakan bahawa salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. diberi kepala kambing. Dalam hatinya berkata: "Mungkin orang lain lebih memerlukannya daripada aku". Lalu kepala kambing itu dikirimkan kepada kawannya, tetapi kawannya itu juga mengirimkan kepala kambing itu kepada yang lain sehingga bertukar-tukar sampai tujuh buah rumah dan akhirnya pulang kepada orang yang pertama tadi. Ayat ini (al-Quran, 59: 9) turun berkenaan dengan peristiwa itu yang melukiskan bahawa setiap umat Islam sentiasa memerhatikan nasib sesama mereka.⁷⁵

⁷² Al-Tabarī (1988), *op.cit.*, j. 14, hlm. 42 & 43; Shaleh *et.al* (1989), *op.cit.*, hlm. 482; Jalāluddin al-Suyūthī (t.t.), terj. M.Abdul Mujieb As., *op.cit.*, hlm. 581

⁷³ Shaleh *et.al* (1989), *loc.cit.*; Jalāluddin al-Suyūthī (t.t.), terj. M.Abdul Mujieb As., *loc.cit.*

⁷⁴ Al-Tabarī (1988), *op.cit.*, j. 14, hlm. 43.

⁷⁵ Shaleh *et.al* (1989), *op.cit.*, hlm. 482 & 483; Jalāluddin al-Suyūthī (t.t.), terj. M.Abdul Mujieb As., *op.cit.*, hlm. 581 & 582.

Walaupun terdapat banyak riwayat dan pendapat mengenai penurunan ayat ini namun pendapat yang sahih menyatakan bahawa ayat ini diturunkan dengan sebab sifat *'iḥār'* orang-orang Ansar mengenai harta *al-fai'* terhadap orang-orang Muhajirin.⁷⁶ Dalam ayat ini Allah s.w.t. memuji orang-orang Ansar dan menerangkan kelebihan dan kemuliaan mereka. Mereka adalah orang-orang yang mendiami kota Madinah dan menetap di sana serta telah beriman kepada Allah s.w.t. dan rasul-Nya sebelum kedatangan Rasulullah s.a.w. dan kaum Muhajirin ke Madinah dengan mempunyai keimanan yang ikhlas, mereka mencintai saudara mereka dari kaum Muhajirin dan menggembirakan kaum Muhajirin ini dengan memberikan sebahagian daripada harta kepada mereka dan mengajak mereka tinggal serumah bersama-sama. Kaum Ansar sedikit pun tidak menaruh keinginan di dalam hati mereka terhadap apa yang dikurniakan daripada harta *al-ghanīmah* kepada kaum Muhajirin.

Kata ahli tafsir, bahawasa Rasulullah s.a.w. telah membahagikan harta rampasan perang kaum Bani Nadir kepada kaum Muhajirin sedangkan kaum Ansar tiada sedikitpun dari harta tersebut diberikan kepada mereka kecuali 3 orang dari kalangan mereka, malahan hati orang-orang Ansar itu merasa senang dengan pembahagian Rasulullah s.a.w. tersebut. Kaum Ansar lebih mengutamakan orang lain dengan pemberian harta tersebut daripada diri mereka sendiri serta di dalam hati mereka tiada perasaan menginginnya walaupun mereka sebenarnya sangat berhajat kepadanya. Begitulah besarnya pengorbanan mereka dengan mendahulukan orang lain daripada kepentingan diri sendiri. Sesiapa yang dipelihara Allah s.w.t. daripada sifat tercela iaitu perasaan bakhil dan kedekut

⁷⁶ Al-Rāzī (1994), *op.cit.*, j. 15, hlm. 288.

disebabkan rakus dan tamak yang merupakan suatu naluri dan sifat semulajadi pada dirinya maka mereka beruntung.⁷⁷ Sifat bakhil akan menghalang kebajikan kerana kebajikan itu mengandungi unsur berkorban dalam berbagai-bagai bentuk seperti berkorban harta, perasaan, tenaga atau nyawa. Orang yang terpelihara dari sifat bakhil ini dapat melakukan kebajikan dengan bebas dan murah hati.⁷⁸

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Taghabun ayat 16 berbunyi:

فَاقْتُلُوْا اَللّٰهُ مَا اُسْتَطَعْتُمْ وَأَسْمَعُوْا وَأَطِيعُوْا وَأَنْفَقُوا خَيْرًا لِأَنْفُسِكُمْ
وَمَنْ يُوقَنُ سُحْنَفُسِيهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِخُونَ (16)

Maksudnya:

Takutlah kamu kepada Allah s.w.t. menurut kesanggupanmu dan dengarlah (akan pengajaran-pengajarannya) serta taatlah (akan perintah-perintahnya) dan naikahkanlah (serta buatlah) kebajikan untuk diri kamu. Dan barangsiapa yang memelihara dirinya dari kebakhilan maka mereka itulah orang-orang yang beruntung.

Diriwayatkan bahawa ketika turun ayat yang bermaksud, “bertakwalah kamu sebenar-benar takwa” (al-Quran, 3: 102), maka kaum muslimin melakukan berbagai-bagai amalan sehingga bengkak kaki serta luka kaki dan dahi mereka. Maka Allah s.w.t. menurunkan ayat ini (al-Quran, 64: 16) yang meringankan kaum muslimin.⁷⁹ Dalam ayat ini Allah s.w.t. mengarahkan agar orang-orang Mukmin mentaati-Nya dengan sedaya upaya dan mèlarang mereka memaksa diri melakukan sesuatu yang tidak terdaya. Menurut para ahli tafsir, perintah bertakwa kepada Allah s.w.t. seberapa yang terdaya itu hanyalah terhadap

⁷⁷ Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 28, hlm. 72 & 73.

⁷⁸ Sayyid Qutb (1982), *Fī Z̄ilāl al-Qur'ān*, j. 6, cet. 10. Beirut: Dār al-Syūrūq, hlm. 3527.

⁷⁹ Shaleh *et.al* (1989), *op.cit.*, hlm. 499; Al-Sabuni (t.t.), *op.cit.*, j. 3, hlm. 511.

perkara-perkara yang fardu dan amalan-amalan yang utama manakala mengenai perkara yang dilarang maka wajiblah meninggalkannya sama sekali. Orang-orang Mukmin hendaklah mendengar pengajaran dan nasihat yang diberikan kepada mereka, taat kepada perintah Allah s.w.t. dan rasul-Nya serta tidak menyeleweng kepada yang lain. Mereka hendaklah membelanjakan rezeki kurniaan Allah s.w.t. kepada mereka untuk diberikan kepada fakir miskin dan perkara kebajikan yang mendatangkan manfaat dalam urusan agama. Kemudian Allah s.w.t. menambah galakan-Nya dengan memberi perangsang agar orang Mukmin suka membelanjakan harta dalam perkara yang disebutkan itu dengan menjelaskan bahawa mereka merupakan orang yang beruntung serta berbahagia di akhirat, dekat dengan Allah s.w.t., dikasihi, direndai dan akan dimasukkan ke dalam syurga.⁸⁰

Ibn Kathir menafsirkan agar dibelanjakan sebahagian dari rezeki yang dianugerahkan Allah s.w.t. untuk diri sekeluarga, fakir, miskin dan orang-orang yang memerlukan serta hendaklah berbuat baik terhadap sesama insan sepetimana Allah s.w.t. telah berbuat baik kepadanya. Kesemuanya itu adalah untuk kebaikan kepada dirinya di dunia dan akhirat. Sekiranya dia tidak berbuat demikian maka dia jugalah yang akan menerima kerugian di dunia dan akhirat.⁸¹

Orang yang bersifat bakhil sama ada berkaitan dengan harta dan lain-lain adalah orang yang zalim.⁸² Kedekut, bakhil dan seumpamanya ialah perangai orang yang enggan mengeluarkan hartanya, merasa keberatan untuk berpisah

⁸⁰ Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 28, hlm. 173 & 174.

⁸¹ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 10, hlm. 7448 & 7449.

⁸² Al-Razi (1994), *op.cit.*, j. 15, hlm. 29.

dengan wangnya dan sedih wang simpanannya keluar terutama untuk menolong orang yang dalam kesusahan. Menurut ilmu psikologi, penyakit bakhil ini adalah naluri setiap manusia iaitu *al-gharīzah*. Ia perlu kerana termasuk dalam bahagian *al-gharīzah* mempertahankan hidup atau keinginan mempunyai sesuatu untuk mempertahankan hidup. Dengan iman dan latihan, orang beriman perlu mengendalikan dirinya agar tidak dipengaruhi naluri ini sehingga membawa kepada penyakit bakhil. Jika dia ingin mempertahankan hidup dengan harta yang ada, lebih dari yang diperlukan hendaklah diberi kepada orang lain yang ingin mempertahankan hidupnya juga.⁸³

2.3.2 Hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

حَدَّثَنَا أَبْنُو، أَخْبَرَنَا عَمْرُ بْنُ يُونُسَ، أَخْبَرَنَا عَكْرَمَةُ بْنُ عَمَّارٍ
أَخْبَرَنَا شَدَّادُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ سَمِعْتُ أَبَا أَمَامَةَ يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَا ابْنَ آدَمَ إِنَّكَ إِنْ تَبْذُلُ الْفَضْلَ خَيْرًا، وَإِنْ
تُمْسِكَ شَرًّا لَكَ، وَلَا تَلِمَ عَلَى كُفَافٍ وَابْدِئْ مِنْ تَعْوِلاً، وَالْيَدُ الْعَلِيَّ أَحْيِي مِنْ
الْيَدِ السُّفْلَى» هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ وَشَدَّادُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ يُكَفِّي أَعْمَالَ

⁸⁴

Maksudnya:

Bundār menceritakan kepada kami, 'Umar ibn Yūnus memberitahu kepada kami, 'Ikrimah ibn 'Ammār memberitahu kepada kami, Syaddād ibn 'Abd Allāh menceritakan kepada kami, aku mendengar Abū Ummāmah berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda:

⁸³ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 10, hlm. 7449.

⁸⁴ Muḥammad Ḥasan ibn Surah al-Tirmidzi (1993), terj. Drs H.Moh. Zuhri, *Tarjamah Sunan al-Tirmidzi*, j. 4. Kuala Lumpur: Victory Agencie, kitab zakat, hadis no. 2446, hlm. 3.

"Wahai anak cucu Adam, sesungguhnya kamu kalau memberikan harta kelebihan adalah lebih baik bagi kamu dan kalau menahannya adalah berakibat buruk terhadap diri kamu, dan kamu tidak akan dicela kerana kesederhanaan dan mulailah bersedekah kepada orang-orang yang menjadi tanggungjawabmu, dan sesungguhnya tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah".

Hadis ini adalah Hadis Hasan Sahih dan Syaddād ibn 'Abd Allāh digelar dengan nama Abū 'Ammār.

Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

حَدَّثَنَا قَتْبِيَةُ، أَخْبَرَنَا الْلَّهِيْبَنْ سَعِينِيْلِ الْمَقْبُرِيُّ عَنْ أَبِي الْوَلِيدِ قَالَ:
سَعِنَتْ حَوْلَةَ بَنْتَ قَيْسٍ وَكَانَتْ تَحْتَ حَمْزَةَ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ تَقُولُ: سَعِنَتْ
رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «إِنَّ هَذِهِ الْأَخْرَجَةَ خَلُوَةٌ مِنْ
أَصَابَهَا حَقَّهُ بُورَكَ لَهُ فِيهِ، وَرُبَّ مُتَحَوِّضٍ فِيمَا شَاءَتْ بِهِ نَفْسُهُ مِنْ مَالِ
اللَّهِ وَرَسُولِهِ لَيْسَ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَّا اتَّارَ». هَذَا حَدِيثٌ حَسْنٌ صَحِيفٌ، وَأَبُو الْوَلِيدٍ أَسْمُهُ عُبَيْدٌ سَنُوطًا.

85

Maksudnya:

Qutaibah menceritakan kepada kami, al-Laits memberitahu kepada kami dari Sa'īd al-Maqburi dari Abū Walīd berkata, aku mendengar Haulah binti Qais dan dia di bawah kekuasaan Hamzah ibn 'Abd al Muṭṭalib berkata, aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya harta ini adalah indah dan manis. Barangsiapa memperolehinya dengan melakukan kewajipannya maka diberi keberkatan baginya, dan ramai orang menyelami harta benda Allah s.w.t. dan rasul-Nya dengan mengikut kehendak hawa nafsunya maka tidak ada baginya kelak di Hari Qiamat kecuali neraka".

Hadis ini Hadis Hasan Sahih dan nama sebenar Abū Walīd ialah 'Ubaid Sanūta.

⁸⁵ *Ibid.*, kitab zakat, hadis no. 2480, j. 4, hlm. 25.

Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

حَدَّثَنَا عَمْرُو التَّانِدُ. حَدَّثَنَا سُفِيَّانُ بْنُ عَيْنَةَ عَنْ أَبِي الزَّانِدِ، عَنِ الْأَعْرَجِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ. قَالَ عَمْرُو : وَحَدَّثَنَا سُفِيَّانُ بْنُ عَيْنَةَ . قَالَ : وَقَالَ أَبُو جُرْجَرٍ : عَنِ الْمَسْنَى
أَبْنِ مُسْلِمٍ ، عَنْ طَاؤِسٍ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ . قَالَ « مَثَلُ الْمُنْفِقِ وَالْمَتَصَدِّقِ »^(١) . كَتَبَ رَجُلٌ
عَلَيْهِ جُبَيْلَانٌ أَوْ جُنَيْلَانٌ مِنْ لَدُنْ نَبِيِّهِ مَا إِلَيْهِ رَأَيْهِمْ . فَإِذَا أَرَادَ الْمُنْفِقَ (وَقَالَ لِلْأَخْرَى : فَإِذَا أَرَادَ الْمَتَصَدِّقَ)
أَنْ يَتَصَدَّقَ سَبَّتْ عَلَيْهِ^(٢) أَوْ مَرَّتْ^(٣) . وَإِذَا أَرَادَ الْمُنْغِيلَ أَنْ يَنْقِضَ . فَلَعَسَتْ عَلَيْهِ وَأَخْدَتْ كُلُّ حَلْتَنَّ
مَوْضِعَهَا . حَتَّى أَنْجَنَ بَاهِنَهُ وَنَفَقَ أَنْزَهَ^(٤) . قَالَ فَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ : فَقَالَ : يُوسُفُ مَا فَلَّا تَنْسِعُ .

86

Maksudnya:

'Umar dan Naqid menceritakan kepada kami, Sufyān ibn 'Uyainah menceritakan kepada kami daripada Abū al-Zanād, dari al-A'raj, dari Abu Hurairah r.a., dari Nabi s.a.w. 'Umar berkata: Dan Sufyān ibn 'Uyainah menceritakan kepada kami, Ibn Juraij berkata daripada Ḥasan ibn Muslim, dari Ṭawīs, dari Abū Hūrārah r.a., dari Nabi Muhammad s.a.w. bersabda: "Perumpamaan orang yang suka menafkahkan hartanya untuk kebaikan dan orang yang suka bersedekah adalah seperti dua orang lelaki yang masing-masing mengenakan baju dari besi yang dikenakan mulai dari kedua teteknya hingga ke leher masing-masing. Maka apabila orang yang gemar menafkahkan hartanya untuk jalan kebaikan hendak menafkahkan hartanya (dan berkata yang lain : Maka apabila orang yang gemar bersedekah hendak bersedekah) maka dia menafkahkan sesuatu sehingga bajunya itu semakin sempurna dan longgar. Jadi setiap kali dia menafkahkan, bajunya itu semakin mengembang dan lebih elok dikenakan kerana menjadi longgar dan tidak melekat pada kulitnya, sehingga baju itu dapat menutupi sampai seluruh jari-jarinya dan habislah jejaknya yakni habislah dosanya. Manakala orang yang kedekut membelanjakan hartanya untuk jalan kebaikan, maka setiap kali hendak menafkahkan hartanya namun tidak jadi dilaksanakannya dan dengan yang demikian lingkaran-lingkaran pertemuan baju itu makin merapat pada tempatnya yakni tubuhnya. Jadi setiap kali tidak jadi menafkahkan, setiap kali itulah pakaiannya makin melekat dan makin mengecil serta menjadi sempit". Dikatakan bahawa Abu Hurairah r.a. berkata: "Orang yang kedekut hendak melapangkan bajunya tetapi tidak dapat menjadi lapang dan luas".

^{١٦} Abū Ḥusayn Muslim ibn al-Hajjāj al-Qusyairī al-Naisābūrī (1991), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 2. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, kitab zakat, hadis no. 1021, hlm. 708.

Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

حَدَّثَنَا مُسْلِمُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ حَدَّثَنَا شَعْبَةُ حَدَّثَنَا سَعْدُ بْنُ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِيهِ
عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ صَدْقَةٌ». فَقَالُوا: يَا نَبِيَّ اللَّهِ فَمَنْ لَمْ
يَجِدْ؟ قَالَ: «يَعْمَلُ بِيَدِهِ فَيُنْفَعُ نَفْسَهُ وَيَنْصَدِّقُ». قَالُوا: فَإِنْ لَمْ يَجِدْ؟ قَالَ: «يُعِينُ ذَا
الحَاجَةِ الْمُنْهَوْفَ». قَالُوا: فَإِنْ لَمْ يَجِدْ؟ قَالَ: «فَلْيَعْمَلْ بِالْمَعْرُوفِ، وَلْيَمْسِكْ عَنِ
الشَّرِّ، فَإِنَّهَا لَهُ صَدْقَةٌ»⁸⁷

Maksudnya:

Muslim ibn Ibrāhīm menceritakan kepada kami, Syu'bah menceritakan kepada kami, Sa'īd ibn Abū Burdah memberitahu kepada kami dari ayahnya dari datuknya dari Nabi s.a.w. bersabda: "Dianjurkan ke atas setiap muslim untuk bersedekah. Kemudian para sahabat bertanya: Wahai Nabi Allah, bagaimana kalau seseorang itu tidak menemukan atau tidak mempunyai sesuatu yang dapat disedekahkan? Baginda lalu bersabda: Hendaklah dia bekerja dengan kemampuannya agar dapat memberikan kemanfaatan pada dirinya sendiri yakni sebahagian hasilnya dipakai untuk dirinya sendiri dan selebihnya disedekahkan. Para sahabat bertanya lagi: Kalau hal yang itu tidak dapat dia temukan atau dia lakukan? Baginda menjawab: Dia hendaklah memberi pertolongan kepada orang yang berhajat dan dalam keadaan lemah, tidak dapat hidup melainkan dengan menggantungkan diri kepada orang lain. Para sahabat masih bertanya lagi: Jika hal itu juga tidak dapat dia temukan atau tidak dapat dikerjakannya? Baginda menjawab: Hendaklah dia mengerjakan kebaikan dan menahan diri dari berbuat keburukan, maka sesungguhnya hal itu merupakan sedekah bagi dirinya".

Hadis ini menekankan fungsi sedekah kerana secara historis sedekah merupakan dasar awal pembentukan Islam, menanamkan budaya kerja dan menanamkan prinsip mendahulukan kepentingan peribadi di atas kepentingan orang lain.⁸⁸ Hadis ini juga menyatakan sekiranya seseorang itu tidak mampu

⁸⁷ Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'il ibn Ibrāhīm ibn al-Mughirah ibn Bardhabah al-Bukhāri (1992), *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, kitab zakat, hadis no. 1445, hlm. 444.

⁸⁸ Abdul Qādir Aḥmad Atha (1999), terj. Syamsudin TU, *Adabun Nabi: Meneladani Akhlak Rasulullah s.a.w.* Jakarta: Pustaka Azzam, hlm. 27.

bersedekah dan tidak berupaya menolong seseorang yang amat memerlukan pertolongan maka dia hendaklah menunjukkan kepada orang lain jalan kebaikan dan mencegah mereka daripada melakukan kejahanan serta menanamkan perasaan benci dalam diri mereka terhadap kejahanan itu. Perkara ini juga adalah merupakan sedekah baginya.⁸⁹

Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

فَأَنْبَأَنَا عَبْدُ الْوَهَابِ الْحَافِظُ وَيَحْيَى بْنُ عَلَى الْمَذْبُرِ أَنَّا
أَبُو مُحَمَّدَ الصَّرِيفِينِيَ حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ عَبْدَانَ حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ غَيْلَانَ حَدَّثَنَا
الْحَسَينُ بْنُ الْجَنِيدِ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ مَسْلَةَ حَدَّثَنَا جَعْفَرُ بْنُ مُحَمَّدٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ
قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : « السَّخَاءُ شَجَرَةٌ مِنْ شَجَرِ الْجَنَّةِ أَغْصَانُهَا
مَتَدَلِّياتٌ فِي الْأَرْضِ فَنَّ أَخْذَ بِقُصْنٍ مِنْ أَغْصَانِهَا قَادِهُ ذَلِكُ الْفَصْنُ إِلَى الْجَنَّةِ ،
وَالْبَخْلُ شَجَرَةٌ مِنْ شَجَرِ النَّارِ أَغْصَانُهَا مَتَدَلِّياتٌ فِي الدُّنْيَا ، فَنَّ أَخْذَ بِقُصْنٍ مِنْ
أَغْصَانِهَا قَادِهُ ذَلِكُ الْفَصْنُ إِلَى النَّارِ ». ⁹⁰

Maksudnya:

'Abd al-Wahab al-Hafiz dan Yahya ibn 'Ali al-Mudbar memberitakan kepada kami, Abu Muhammad al-Sarifini mengkhabarkan kepada kami, Abū Bakar ibn 'Abdān menceritakan kepada kami, Abū Bakar ibn Ghailān menceritakan kepada kami, al-Husin ibn al-Junid menceritakan kepada kami, Sa'id ibn Maslamah menceritakan kepada kami, Jaafar ibn Muhammad menceritakan kepada kami daripada bapanya daripada datuknya berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sifat pemurah itu adalah merupakan seohon kayu dari kayu syurga. Dahan-dahannya terkulai ke bumi. Barangsiapa yang mengambil sedahan daripadanya nescaya dahan itu membawanya ke syurga. Dan sifat bakhil ialah merupakan suatu pohon di neraka dan ranting-rantingnya berada di dunia. Barangsiapa yang bergantung dengan ranting-rantingnya nescaya dia akan terpimpin ke neraka".

⁸⁹ Mansyur Ali Nashif (1993), terj. Bahrun Abu Bakar L.C., *Maikota Pokok-pokok Hadis Rasulullah s.a.w.*, j. 2. Bandung: Penerbit Sinar Baru Algensindo, hlm. 115.

⁹⁰ Abū al-Farājī 'Abd al-Rahmān ibn 'Alī ibn al-Jauzī al-Qurāṣī (1966), *Kitāb al-Mawdū' at-* j. 2. Perpustakaan al-Salafiah, Madinah Munawwarah: Muhammad 'Abd al-Muhsin, hlm. 182.

Hadis mengenai hal ini turut diriwayatkan oleh Abū Hurairah r.a., Abū Sa'īd r.a., Jabīr r.a. dan 'Āisyah r.a. Ahli hadis berpendapat hadis-hadis ini dari keseluruhan bentuknya adalah tidak sah. Dalam hadis Ḥusain ini contohnya, terdapat Sa'īd ibn Maslamah yang tidak memenuhi syarat sebagai perawi.⁹¹

Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

فَأَنْبَأَنَا عَبْدُ الْوَهَابِ بْنِ الْمُبَارَكِ أَنْبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الظَّفَرِ
حَدَّثَنَا الْعَتِيقُ حَدَّثَنَا يُوسُفُ بْنُ أَحْمَدَ حَدَّثَنَا أَبُو جَعْفَرُ الْمَقِيلِيُّ حَدَّثَنَا جَعْفَرُ بْنُ
مُحَمَّدِ السُّوْسِيِّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حَرْبِ الْوَاسِطِيِّ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ مُحَمَّدِ الْوَرَاقِ عَنْ يَحْيَى
[ابن] سَعِيدِ الْأَنْصَارِيِّ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ هُرْمَزِ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هَرِيرَةَ قَالَ
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «السَّخِيُّ قَرِيبٌ مِنَ اللَّهِ، قَرِيبٌ مِنَ النَّاسِ،
قَرِيبٌ مِنَ الْجَنَّةِ، بَعِيدٌ مِنَ النَّارِ ، وَإِنَّ الْبَخِيلَ بَعِيدٌ مِنَ اللَّهِ، بَعِيدٌ مِنَ النَّاسِ،
بَعِيدٌ مِنَ الْجَنَّةِ قَرِيبٌ مِنَ النَّارِ ، وَالْفَاجِرُ السَّخِيُّ أَحَبٌ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ
مِنْ عَابِدٍ بَخِيلٍ ». ⁹²

Maksudnya:

'Abd al-Wahāb ibn al-Mubārak memberitakan kepada kami, Muhammad ibn al-Muzafar mengkhabarkan kepada kami, al-'Atiqī menceritakan kepada kami, Yusof ibn Ahmad menceritakan kepada kami, Abu Ja'far al-'Aqili menceritakan kepada kami, Ja'far ibn Muhammad al-Susi menceritakan kepada kami, Muhammad ibn Harb al-Wasati menceritakan kepada kami, Sa'īd ibn Muhammad al-Warraq memberitahu kepada kami daripada Yahya ibn Sa'īd al-Ansari daripada 'Abd al-Rahman ibn Hurmuz al-A'raj daripada Abū Hurairah r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya orang yang pemurah itu dekat dengan Allah s.w.t., dekat dengan manusia, dekat dengan syurga, jauh dari neraka. Manakala orang yang bakhil itu jauh dari Allah s.w.t., jauh dari manusia, jauh dari syurga, dekat dengan neraka. Orang jahat yang pemurah lebih dikasihi oleh Allah s.w.t. dari orang beribadat yang bakhil."

⁹¹ *Ibid.*, j.2, hlm. 184.

⁹² *Ibid.*, j.2, hlm. 180.

Hadis ini menerangkan bahawa Allah s.w.t. bencikan orang alim yang bakhil dan menyayangi orang fasik yang pemurah. Orang bakhil jauh dari manusia dan dermawan dekat dengan manusia kerana fitrah manusia suka dibantu terutama semasa mereka amat memerlukan bantuan.⁹³

Hadis mengenai orang yang pemurah dekat dengan Allah s.w.t. manakala orang bakhil jauh dari Allah s.w.t. ini turut diriwayatkan oleh Anas r.a. dan 'Aisyah r.a. Ahli-ahli hadis berpendapat hadis ini tidak sah.⁹⁴ Menurut pendapat al-Albani hadis ini sangat daif. Dalam Abū Hurairah ini contohnya, dipertikaikan mengenai Sa'īd ibn Muḥammad al-Warrāq yang menurut pendapat Ibn Ma'in dia tidak apa-apa, pendapat Ibn Sa'ad dan lain-lain dia adalah daif, pendapat al-Nasā'i dia tidak *thiqah* dan pendapat al-Dār Qutnī dia adalah *matrūk*.⁹⁵

Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

أَبِيَّنَا عَبْدُ الْوَهَابِ أَبِيَّنَا الْمَبَارِكُ بْنُ عَبْدِ الْجَبَارِ أَبِيَّنَا أَبُو مُحَمَّدٍ عَبْدَ اللَّهِ الْجَبَارِ
الْحُسْنِ الْمَعْدَانِي حَدَّثَنَا الدَّارِقَطْنِي حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مُخْلِدٍ حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ حَمَادٍ حَدَّثَنَا
عَبْدُ الرَّحِيمِ بْنُ حَمَادٍ حَدَّثَنَا الأَعْشَشُ عَنْ إِبْرَاهِيمَ أَوْ أَبْوَاوَائِلَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : « تَجَاءُوا عَنْ ذَنْبِ السَّخْنِ فَإِنَّ اللَّهَ أَخْذَ
بِذَنْبِ كُلَّ أَعْثَرٍ ». ⁹⁶

96

⁹³ Siti Mariam Hj. Adam (1997), *Timbangan Amal dari Kamus Orang Solih*. Johor Bahru, Johor: Perniagaan Jahabersa, hlm. 381 & 382.

⁹⁴ Al-Qurasyī (1966), *op.cit.*, j. 2, hlm. 181.

⁹⁵ Abdul Ghani Azmi Haji Idris (1999), *Himpunan Hadis Daif dan Maudu'*, j. 2. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, hlm. 161 & 162.

⁹⁶ Al-Qurasyī (1966), *op.cit.*, j. 2, hlm. 185.

Maksudnya:

'Abd al-Wahāb memberitakan kepada kami, al-Muhārak ibn 'Abd al-Jabār memberitahu kepada kami, Abū Muḥammad 'Abd Allāh ibn al-Husīn al-Hamdāni memberitakan kepada kami, al-Dār Qutnī menceritakan kepada kami, Muḥammad ibn Mukhlid menceritakan kepada kami, Anas ibn Ḥamād menceritakan kepada kami, 'Abd al-Rahīm ibn Ḥamād menceritakan kepada kami, al-A'masy menceritakan kepada kami dari Ibrāhīm atau Abū Wa'il dari 'Abd Allāh berkata, Rasulullah s.a.w bersabda: "Maafkanlah kesalahan orang yang pemurah, sesungguhnya Allah s.w.t. memimpinnya setiap kali dia tergelincir pada kesalahan".

Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

أَبْنَا أَبُو الْقَاسِمِ بْنِ السَّمَرْقَنْدِيِّ أَبْنَا إِسْمَاعِيلَ بْنَ مَسْعَدَةَ أَبْنَا حَزَّةَ السَّهْمِيِّ حَدَّثَنَا أَبُو أَحْمَدُ بْنُ عَدَى حَدَّثَنَا زَيْدُ بْنُ عَبْدِ الرَّزِيزِ حَدَّثَنَا جَهْدَرُ حَدَّثَنَا بَقِيَّةُ حَدَّثَنَا الْأَوْزَاعِيُّ عَنِ الزَّهْرِيِّ عَنْ عَرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : « الْجَنَّةُ دَارُ الْأَسْخِيَاءِ ». ⁹⁷

Maksudnya:

Abū Kasim as-Samarqandi memberitakan kepada kami, Ismā'īl ibn Mas'adah memberitahu kepada kami, Hamzah al-Sahmi memberitakan kepada kami, Abū Aḥmad ibn 'Adī menceritakan kepada kami, Zayd ibn 'Abd al-Azīz menceritakan kepada kami, Jahdar menceritakan kepada kami, Baqiyah menceritakan kepada kami, al-Auzā'i menceritakan kepada kami dari al-Zuhri dari 'Urwah dari Aisyah r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Syurga itu merupakan kampung orang-orang pemurah".

Al-Zahabi berpendapat hadis ini mungkar.⁹⁸ Masalahnya ialah Jahdar iaitu Aḥmad ibn 'Abd al-Rahmān al-Kafartuthi seorang yang *halik*. Ibn 'Adī mengatakan bahawa Jahdar ini mencuri hadis, meriwayatkan hadis-hadis mungkar dan membuat penambahan di dalam sanad-sanad hadis. Al-Dār Qutnī menyatakan bahawa hadis ini tidak sah.⁹⁹

⁹⁷ Ibid.

⁹⁸ Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris (1999), *op.cit.*, j.2, hlm. 450.

⁹⁹ Ibid.; Al-Qurasyi (1966), *loc.cit.*

Hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

هَدَنَا عَبْدُ اللَّهِ، حَدَّثَنِي أَبِيهِ، حَدَّثَنَا بَهْرَ حَدَّثَنَا هَمَّامٌ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ
عُمَرَ بْنِ شَعِيبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «كُلُوا، وَاشْرِبُوا،
وَنَصِّدِّقُوا، وَالْبُسُوا، فِي غَيْرِ مَحْيَلٍ وَلَا سَرَفٍ، إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ أَنْ تُرَى نِعْمَتُهُ عَلَى
عِبْدِهِ». ¹⁰⁰

Maksudnya:

'Abd Allah menceritakan kepada kami, bapaku menceritakan kepada aku, Bahaz menceritakan kepada kami, Hammām menceritakan kepada kami, dari Qatādah, dari 'Umar ibn Syu'aib, dari bapanya, dari datuknya, bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: "Makanlah dan minumlah dan bersedekahlah dan pakailah tanpa melampaui dan boros, sesungguhnya Allah s.w.t. suka melihat nikmatnya diberikan kepada hamba-Nya".

Walaupun hadis-hadis mengenai seruan menuju *al-sakħā'* ini kebanyakannya bukan merupakan hadis yang sahih namun tidak menjadi suatu kesalahan dalam menjadikannya sebagai galakan untuk melaksanakan amalan yang baik dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

2.4 KEUTAMAAN *AL-SAKHĀ'*

Seseorang yang memiliki kelebihan atau kurniaan Allah s.w.t. sama ada harta, wang ringgit, ilmu, tenaga, kepakaran, kecerdikan dan seumpamanya hendaklah bersifat dermawan dan murah hati, bersedekah dan membuat kebajikan, menolong orang, beramal jariah dan lain-lain. Sifat pemurah merupakan sebahagian daripada akhlak dan budi pekerti para nabi dan ia juga merupakan asas

¹⁰⁰ Ahmad ibn Hanbal (1991), *al-Musnad*, j. 2. Beirut: Dar al-Fikr, hadis no. 6720, hlm. 603.

yang dapat menjamin keselamatan bagi diri individu di dunia dan akhirat.¹⁰¹

Terdapat banyak ayat suci al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. yang menyentuh tentang sifat pemurah ini sepetimana yang penulis telah paparkan di atas. Ini membuktikan bahawa sifat ini memiliki keutamaan yang besar berbanding dengan sifat-sifat yang lain. Malahan berbagai-bagai kelebihan dan ganjaran yang dijanjikan Allah s.w.t. kepada golongan yang mengamalkan sifat ini.

Sifat pemurah atau *al-sakha'* terbahagi kepada beberapa tingkat dan tingkat yang tertinggi ialah mengutamakan orang lain (*al-ithar*) iaitu bermurah hati memberikan harta kepada orang lain walaupun si pemilik amat memerlukannya. Orang yang pemurah membelanjakan hartanya untuk diberikan kepada orang yang memerlukannya sama ada semasa itu orang tersebut memerlukannya ataupun tidak. Tetapi membelanjakannya ketika orang itu sangat memerlukannya adalah lebih utama.¹⁰² Dalam hubungan ini, tidak dapat dinasikkan lagi bahawa budi pekerti yang mulia memainkan peranan. Sifat pemurah merupakan salah satu daripada akhlak Allah s.w.t. dan *al-ithar* adalah yang tertinggi dari tingkat-tingkat pemurah. Perkara ini telah menjadi adab kesopanan Rasulullah s.a.w. sehingga baginda digelar *khuluq yang agung*.¹⁰³

¹⁰¹ Al-Ghazali (1992), *op.cit.*, j. 3, hlm. 358.

¹⁰² *Ibid.*, j. 3, hlm. 378; Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1987), *Tahdhib Madarrij al-Salikin*, cet. 2. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, hlm. 642; Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Madarrij al-Salikin bain Manāzil Iyyāk Na'bud wa Iyyāk Nasta'in*, j. 2. T.T.P.: Dār al-Rasyād al-Hadīthah, hlm. 292; Ahmad Muhammad 'Assaf (1988), *Bughyah al-Talibin min Ihya' 'Ulūm al-Dīn*, cet. 4. Beirut: Dār Ihya' al-'Ulūm, hlm. 191; Muhammad Jamāl al-Dīn ibn Muhammad ibn Sa'īd al-Qasimī (1995), *Maw'izah al-Mu'minīn min Ihya' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 225; Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qasimī (1994), *Maw'izah al-Mu'minīn min Ihya' 'Ulūm al-Dīn*, cet. 8. Beirut: Dār al-Nafā'is, hlm. 339; Hasan Ayūb (t.t.), *al-Sulūk al-Ijtima'i fi al-Islām*. T.T.P.: Dār al-Muhājirin, hlm. 484.

¹⁰³ Al-Ghazali (1992), *loc.cit.*; Ahmad Muhammad 'Assaf (1988), *op.cit.*, hlm. 187; Al-Qasimī (1995), *op.cit.*, hlm. 222; Al-Qasimī (1994), *op.cit.*, hlm. 335.

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Qalam ayat 4 berbunyi:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya:

Dan sesungguhnya engkau benar-benar herbudi pekerti yang agung.

Ayat ini menerangkan tentang satu pujiann tertinggi yang diberikan Allah s.w.t. kepada rasul-Nya dan tidak diberikan kepada rasul-rasul yang lain.¹⁰⁴ Kalimat pengakuan Allah s.w.t. itu mengandungi erti yang lebih besar dari segala-galanya kerana ia terbit dari Allah s.w.t. Yang Maha Tinggi dan Maha Besar. Tambahan pula Rasulullah s.a.w. menerima dengan kesedaran bahawa kalimat yang agung ini datangnya dari Allah s.w.t. dan baginda dapat mengambil sikap yang mantap dan tenang setelah mendengar pengakuan dan sanjungan dari-Nya. Dengan sanjungan ini juga Allah s.w.t. telah memuliakan Rasulullah s.a.w. serta memuliakan elemen akhlak dalam agama-Nya yang dibawa oleh nabi-Nya yang mulia itu.¹⁰⁵ Baginda melaksanakan segala yang diperintahkan oleh al-Quran dan meninggalkan larangannya. Semuanya itu dihiasi dengan budi yang agung termasuk rasa malu, dermawan, berani, pemaaf dan sabar.¹⁰⁶

¹⁰⁴ Hamka (1990), *op.cit.*, j. 10, hlm. 7567.

¹⁰⁵ Sayyid Qutb (1982), *op.cit.*, j. 6, cet. 10, hlm. 3656.

¹⁰⁶ Al-Šabūnī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, hlm. 533.

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 207 berbunyi:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْرِي نَفْسَهُ أَبْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ
وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ ٢٠٧

Maksudnya:

Dan di antara manusia ada yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredaan Allah s.w.t., dan Allah s.w.t. itu Maha Penyantun terhadap hamba-hamba-Nya.

Terdapat banyak riwayat mengenai sebab penurunan ayat ini. Sebahagian pendapat mengatakan ia ditujukan kepada kaum Muhibbin dan Ansar. Ikrimah menyatakan ayat ini ditujukan kepada Suhaib ibn Sinan dan Abu Dhar al-Ghifari Jundub ibn al-Sakan.¹⁰⁷ Ibn 'Abbas r.a. meriwayatkan bahawa ayat ini ditujukan kepada Şuhaib ibn Sinan, 'Ammār ibn Yasir, Sumayyah, Yasir, Bilal, Khabab ibn al-Art dan 'Abbas.¹⁰⁸ Ibn 'Abbas r.a. juga menyatakan bahawa ayat ini turun mengenai peristiwa Şuhaib al-Rumi. Sesudah beliau memeluk Islam di Mekah, beliau hendak berhijrah ke Madinah dengan membawa kekayaannya tetapi telah dilarang oleh kaum Quraisy. Sekiranya beliau bersetuju untuk berhijrah tanpa hartanya maka mereka tidak keberatan untuk melepaskannya. Maka beliau menyerahkan hartanya kepada kaum Quraisy dan turunlah ayat ini. Kedatangannya disambut oleh Umar ibn al-Khattab dan kawan-kawannya di medan kota Madinah dengan ucapan: "Untunglah jual beli kamu". Jawab Şuhaib: "Semoga perniagaan kamu semua juga tidak akan rugi, mengapakah kamu semua berkata begitu?" Maka diberitahunya bahawa Allah s.w.t. telah menurunkan ayat

¹⁰⁷ Al-Tabari (1988), *op.cit.*, j. 2, hlm. 320 & 321.

¹⁰⁸ Al-Razi (1994), *op.cit.*, j. 3, hlm. 222.

ini.. Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "Untunglah jual beli Şuhaib".¹⁰⁹

Menurut satu riwayat, ketika Şuhaib berhijrah ke Madinah mengikuti Rasulullah s.a.w. dikejar oleh sepasukan kaum Quraisy, beliau turun dari kenderaan berserta dengan panah ditangannya lalu berkata: "Wahai kaum Quraisy, kamu semua tahu bahawa akulah pemanah ulung. Demi Allah, kamu semua tidak akan sampai kepada aku selagi panah dan pedang berada ditangan aku. Sekarang ini pilihlah satu di antara dua, kamu semua mati terbunuh atau memiliki harta benda aku di Mekah dengan membiarkan aku berhijrah ke Madinah". Orang-orang Quraisy memilih harta dan membiarkan Şuhaib pergi. Tatkala beliau sampai di hadapan Rasulullah s.a.w. maka diceritakannya hal yang telah terjadi itu. Maka turunlah ayat ini (al-Quran, 2: 207).¹¹⁰

'Umar, 'Ali, Ibn 'Abbas dan lain-lain menyatakan bahawa ayat ini ditujukan kepada orang yang menyeru dengan kebaikan dan menegah kemungkaran. Pendapat yang lain menyatakan bahawa ayat ini ditujukan kepada Sayyidina 'Ali k.w. yang tidur di atas katil Rasulullah s.a.w. pada malam baginda keluar menuju ke Madinah.¹¹¹

Penjualan atau pengorbanan yang hakiki ialah apabila seseorang Mukmin bermurah hati dengan diri dan hartanya pada jalan Allah s.w.t. apabila

¹⁰⁹ Al-Şabuni (t.t.), *op.cit.*, j. 1, hlm. 184 & 185.

¹¹⁰ Shaleh *et.al* (1989), *op.cit.*, hlm. 65.

¹¹¹ Al-Razi (1994), *loc.cit.*

diperlukan.¹¹² Dalam ayat ini dijelaskan mengenai orang yang benar dan salih yang sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan keredaan Allah s.w.t. Dia sanggup menyerahkan seluruh hartanya di jalan Allah s.w.t. dan bersedia mendedahkan dirinya kepada bahaya serta ancaman terhadap nyawanya untuk mendapat keredaan-Nya.¹¹³ Meskipun ayat ini pada awalnya turun bertepatan dengan peristiwa Suhaib tetapi secara umumnya ia diturunkan untuk semua pejuang yang menegakkan jalan Allah s.w.t. Semasa Hisyām ibn ‘Āmir menyerang ke dalam barisan kaum musyrikin, ramai orang telah menyalahkannya tetapi ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb dan Abū Hurairah menolak pendapat orang-orang itu dengan membacakan ayat ini.¹¹⁴

2.5 HAD DAN BATAS *AL-SAKHĀ'*

Kemurahan hati ialah memberi dengan tidak mengungkit, memberi tanpa diminta, dengan melihat bahawa yang diberikan itu adalah sedikit. Orang yang meminta merasa gembira dengan adanya orang yang bermurah hati dan orang memberi merasa senang hati.

Kemurahan hati ialah atas dasar melihat bahawa harta itu kepunyaan Allah s.w.t. dan hamba itu juga kepunyaan Allah s.w.t. Maka diberikan harta Allah s.w.t. kepada hamba Allah s.w.t. tanpa melihat kepada kemiskinan. Orang

¹¹² Muḥammad Rashid Reḍa (t.t.), *op.cit.*, j. 2, hlm. 253 & 254.

¹¹³ Mustafā Abdullah (1997), terj. Siti Sujinah Sarnap, *op.cit.*, hlm. 291.

¹¹⁴ Al-Ṣabūni (t.t.), *op.cit.*, j. 1, hlm. 185.

yang memberikan sebahagian dan meninggalkan sebahagian dia dikatakan seorang pemurah. Orang yang memberikan lebih banyak dan ditinggalkan untuk dirinya sedikit maka dia memiliki sifat kemurahan hati dan orang yang menderita kemelaratan tetapi mengutamakan orang lain dengan memberikan hartanya maka dia bersifat dengan *al-ithār*. Pendek kata harta perlu dijaga di mana yang harus dijaga dan diberikan di mana yang harus diberikan.

Sifat kemurahan hati berada di tengah-tengah di antara boros (*al-israf*) dan kedekut (*al-iqtār*).¹¹⁵ Pengeluaran sederhana adalah cara yang bijaksana. Dalam berzakat kita perlu memberikan yang terbaik bukannya secara berlebihan sama ada untuk riyak atau untuk memberi kesan kepada orang lain.¹¹⁶ Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Furqān ayat 67 berbunyi:



وَالَّذِينَ إِذَا أَنفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوْمًا

Maksudnya:

Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak pula bersifat bakhil, tetapi (perbelanjaan itu) di tengah-tengah antara keduanya.

Ayat ini menyatakan bahawa di antara sifat orang-orang yang layak mendapat ganjaran pahala dari Allah s.w.t. ialah mereka yang berbelanja dan memberi nafkah secara sederhana atau sekadar kerperluan sahaja. Yazid ibn Hābib mengatakan bahawa sifat ini merupakan sifat para sahabat Rasulullah s.a.w., mereka makan hanya sekadar menghilangkan lapar supaya mampu

¹¹⁵ Al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3, hlm. 381; Al-Qāsimī (1994), *op.cit.*, hlm. 341.

¹¹⁶ Abdullah Yusuf Ali (1991), *op.cit.*, hlm. 942.

beribadat kepada Allah s.w.t. dan berpakaian untuk menutup aurat serta menahan badan dari panas dan sejuk.¹¹⁷

Orang pemurah tidak menegah perkara yang wajib terhadap agama dan *al-muru'ah*. *Al-muru'ah* bererti kemanusiaan iaitu suatu sifat di mana manusia menjadi insan yang sempurna dengan adanya sifat tersebut. Seseorang itu dianggap sebagai orang pemurah apabila dia bebas dan berhak untuk mengeluarkan harta sama ada sedikit atau banyak. Sebahagian manusia lebih pemurah dari sebahagian yang lain. Maka melakukan amal makruf adalah merupakan kemurahan hati dengan syarat ikhlas dan baik hati bukannya berdasarkan ketamakan, mengharap layanan, balasan, terima kasih pujian atau seumpamanya. Al-Muħāsibi mengatakan bahawa sifat pemurah pada agama Allah s.w.t. ialah seseorang itu bermurah hati dengan dirinya dan menghilangkan kepentingan diri itu kerana Allah s.w.t. Hatinya bermurah dengan memberikan jiwanya dan menumpahkan darahnya kerana Allah s.w.t. dengan rela. Dia tidak mengharapkan ganjaran pahala di dunia dan di akhirat. Walaupun memerlukan pahala tetapi ditegaskan betapa baiknya kesempurnaan sifat pemurah dengan menyerahkan pilihan kepada Allah s.w.t.¹¹⁸

Sifat pemurah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu pemurah dengan jiwa raga bermaksud tidak merasa takut atau gentar memberikan jiwa dan raga untuk agama dan peri kemanusiaan, pemurah kepada agama yakni bersegera mentaati

¹¹⁷ Ahmad Sonhadji Mohamad (1990), *op.cit.*, j. 19, hlm. 76; Al-Rāzī (1994), *op.cit.*, j. 12, hlm. 110.

¹¹⁸ Al-Ghazālī (1992), *op.cit.*, j. 3, hlm. 381 – 383.

Tuhan sekalian alam dan pemurah dengan dunia.¹¹⁹ Pendapat yang lain mengatakan sifat pemurah terbahagi kepada dua iaitu pemurah kepada agama dan pemurah kepada dunia.¹²⁰

Kesimpulannya konsep *al-sakha'* adalah merupakan suatu sifat yang terpuji dan digalakkan Allah s.w.t. dan rasul-Nya. Seseorang yang mendapat kurniaan Allah s.w.t. sama ada kurniaan itu berupa ilmu, harta, kedudukan dan sebagainya dan beliau memberikan kurniaan Allah s.w.t. tersebut kepada hamba-hamba-Nya menurut kemampuannya adalah seorang hamba yang baik dan salih.

¹¹⁹ Muhibbuddin Waly (1995), *Hakikat Hikmah Tauhid dan Tasawuf (al-Hikam)*, cet. 3. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd., hlm. 165 – 167.

¹²⁰ Abu Bakr Muhammad ibn al-Walid al-Fihri al-Turtusyi (1994), *Siraj al-Muluk*, j. 1. T.T.P.: al-Dar al-Misriyyah, hlm.362.